AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PELITA BRUNEI

قليتا برونى

70 TAHUN 1956-2026

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"ALIF Laam Mim. Adakah manusia itu menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata : Kami telah beriman, sedang mereka tidak diuji? Dan demi sesungguhnya Kami telah menguji orang-orang yang sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar beriman dan sesungguhnya Dia mengetahui orang-orang yang berdusta".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-'Ankabuut, ayat 1 - 3.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.36 | SUBUH 4.46 | SYURUK 6.07 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.05 | ASAR 3.26 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.14

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 135 | 11 NOVEMBER 2026 / 1448 جمادي الأخير 1 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

MAJLIS PERJUMPAAN BERSAMA HIS HIGHNESS AMIR NEGARA QATAR

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

DOHA, QATAR, Isnin, 9 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, hari ini, berkenan berangkat ke Amiri Diwan bagi Majlis Perjumpaan bersama His Highness Sheikh Tamim bin Hamad Al-Thani, Amir Negara Qatar.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh His Highness Sheikh Abdullah bin Hamad Al-Thani, Timbalan Amir Negara Qatar dan seterusnya telah dialu-alukan dalam satu upacara Sambutan Rasmi.

>> Muka 4



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat bagi Majlis Perjumpaan bersama His Highness Sheikh Tamim bin Hamad Al-Thani, Amir Negara Qatar di Amiri Diwan. - Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit.

Perkukuh penjagaan kesihatan bersepadu, tingkatkan kesejahteraan rakyat

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 November. - Kesihatan mental merupakan satu lagi isu yang semakin membimbangkan. Masalah kesihatan mental ini boleh menjejaskan individu pada semua peringkat kehidupan. Kesannya bukan sahaja dirasai oleh individu tersebut, malah turut melibatkan keluarga, sekolah, tempat kerja dan masyarakat.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menekankan demikian dalam ucapannya pada Majlis Pelancaran Bersama BruMAP NCDMH 2026-2035 dan Pelan Strategik Kementerian Kesihatan bagi Pencegahan dan Pengurusan Berat Badan Berlebihan dan Obesiti di Brunei Darussalam 2026–2035 di Dewan Serambi Suluh, Tarindak d'Seni, di ibu negara, di sini.

>> Muka 9

123 pegawai, kakitangan KHEDN bersara diraikan

Oleh : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 November. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) telah mengadakan Majlis Penghargaan bagi Pegawai-pegawai dan Kakitangan KHEDN dan Jabatan-jabatan di Bawahnya yang Bersara bagi Tahun 2025 bertempat di Tingkat 6, KHEDN, hari ini.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku tetamu kehormat.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Pemantau Zon 1 Daerah Brunei dan Muara, Awang Saufi bin Haji Suhaini bagi memohon keberkatan dan kelancaran majlis.

Acara kemudian diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan dan plak kepada seramai 123 pesara yang diraikan, terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN serta jabatan-jabatan di bawahnya yang telah bersara bagi Tahun 2025.

>> Muka 6

Memperkasa pemimpin muda cipta nilai ekonomi, nasional

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 November. - Seramai 200 peserta yang terdiri daripada pelbagai latar belakang telah mengikuti Konvensyen Pemimpin Muda Brunei (BYLC) 2026 yang dianjurkan oleh Syarikat Pengurusan Kifayah Ar-Razaq.

Pelancaran BYLC 2026 telah berlangsung pagi tadi, bertempat di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Pelancaran BYLC 2026 telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyaksikan tayangan video pengenalan mengenai BYLC.

>> Muka 7

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

Berita Utama



PENANDATANGANAN Perjanjian pengurusan jemaah haji NBD
Muka 8



NBD tuan rumah Konsortium Pendidikan PISA Asia Tenggara Kali Pertama
Muka 10



PERTUBUHAN WARGAMAS Brunei anjur Doa Kesyukuran
Muka 13



MAJLIS Ilmu 2026 menjulang keunggulan falsafah MIB
Muka 21

PELITA BRUNEI

Falsafah MIB perlu difahami, dihayati, diamalkan seluruh lapisan masyarakat

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alameen Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbiee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua dapatlah kita bersama-sama hadir dalam perhimpunan Majlis Ilmu yang penuh keberkatan pada pagi ini.

Beta gembira, Majlis Ilmu terus diadakan sebagai salah satu acara yang disempenakan dalam acara-acara Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan beta. Penganjuran Majlis Ilmu seumpama ini, tidak syak lagi mempunyai nilai yang tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan ugama. Kerana di dalamnya kita dapat menambah pelbagai bidang ilmu melalui aktiviti-aktiviti keilmuan. Bahkan ia merupakan ibadat dan amal kebajikan yang memberi manfaat kepada setiap individu, masyarakat dan negara.

Beta mengambil maklum bahawa tema Majlis Ilmu pada tahun ini ialah 'Melayu Islam Beraja : Tonggak Kedaulatan Negara'. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, perkataan Melayu Islam Beraja (MIB) bukanlah suatu yang asing kepada orang-orang Brunei. Kerana, kita sedia maklum bahawa MIB merupakan falsafah negara yang telah beta isytiharkan semasa Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984.

Secara ringkasnya, Melayu mencerminkan jati diri, bahasa, adat dan budaya yang menjadi sebahagian daripada identiti masyarakat dan negara. Islam pula, menjadi suluh akidah, syariah dan akhlak serta suluh kehidupan bernegara. Manakala beraja, mencerminkan institusi pemerintahan yang menjadi payung Allah di bumi-Nya yang bertanggungjawab memelihara ugama, keamanan dan kesejahteraan rakyat dan negara.

Pada hemat beta, falsafah MIB ini perlu difahami, dihayati dan diamalkan oleh seluruh lapisan masyarakat sebagai tonggak untuk membina identiti sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat. Kerana itu MIB tidak boleh dilihat hanya sebagai suatu ungkapan atau slogan semata-mata. Tetapi ia juga adalah teras sejarah, nilai ugama dan sistem pemerintahan yang tersendiri.

Oleh kerana itu, kemerdekaan tidak dapat dipisahkan daripada falsafah MIB, sementara kedaulatan pula, adalah perlu untuk didukung dan dipertahankan oleh semua. Ia bukan hanya tanggungjawab pemerintah, malah merupakan amanah untuk dipikul bersama-sama.

Inilah MIB yang perlu diperkasa dan dipertahankan oleh generasi demi generasi. MIB bukan hanya menjelaskan siapa kita dan dari mana asal kita, tetapi juga turut menentukan bagaimana kita melangkah ke hadapan selaku bangsa yang mempunyai jati diri tersendiri.

Beta penuh yakin dan optimis, dengan berlandaskan MIB, Brunei akan terus disenangi dan dihormati. Tidak siapa yang akan melihat Brunei malap, malah sentiasa berseri-seri kerana Al-Quran sentiasa dibaca pada setiap hari. Maka generasi Brunei bolehlah ia dipanggil generasi MIB, generasi masa depan yang cemerlang, yang gigih membangun dan memajukan negara hingga ke taraf dunia.

Pada kesempatan ini, beta ingin berseru kepada semua pihak, untuk sama-sama bertanggungjawab memastikan MIB kekal hidup dalam keluarga, dalam masyarakat, dalam pendidikan, dalam Perkhidmatan Awam mahupun swasta, dalam institusi keugamaan dan dalam kehidupan bernegara.

Akhirnya, beta tidak lupa mengucapkan tahniah kepada penganjur dan semua Ahli Jawatankuasa yang terlibat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati segala usaha kita yang berkebajikan. Amin.

Dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim, Allahumma Shalli Alaa Sayyidina Muhammad, Wa 'Alla Alihi Wasahbihee Wasallim*. Beta dengan sukacita melancarkan buku bertajuk 'Sihir : Kejahatan Sepanjang Zaman' dan 'Buku Kecil Untuk Mengubat Sihir dan Merawat Kerasukan' serta sekali gus merasmikan Majlis Ilmu 2026 berserta semua acara di dalamnya.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2026 pada Sabtu, 7 November 2026 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

WAKTU SEMBAHYANG

NOVEMBER MASIHI	HARI	JAMADILAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
11	RABU	1	4.36	4.46	6.07	6.30	12.05	3.26	6.02	7.14
12	KHAMIS	2	4.37	4.47	6.07	6.30	12.05	3.27	6.02	7.14
13	JUMAAT	3	4.37	4.47	6.07	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
14	SABTU	4	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
15	AHAD	5	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
16	ISNIN	6	4.37	4.47	6.08	6.32	12.06	3.27	6.02	7.14
17	SELASA	7	4.37	4.47	6.08	6.32	12.06	3.28	6.02	7.15

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 11 NOVEMBER 2026

Hayati nilai-nilai Melayu Islam Beraja

MULAI 1 Januari 1984, Negara Brunei Darusssalam (NBD) adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala akan untuk selama-lamanya menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang merdeka dan berdaulat bersendikan kepada ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan serta dengan petunjuk serta keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Peristiwa itu menjadi ristaan dan terpahat dalam tinta sejarah sepanjang zaman yang menandakan MIB sebagai falsafah negara. Nilai-nilai budaya Melayu, ajaran agama Islam dan juga sistem pemerintahan beraja telah menjadi warisan sejarah bangsa negara ini yang diamalkan sehingga ke hari ini yang sekali gus menjadi tonggak pegangan hidup rakyat dan penduduk untuk penyatuan hidup bermasyarakat dan bernegara, tanpa mengira agama, budaya dan latarbelakang sosial.

Komponen MIB saling berkait rapat dan tidak berpisah dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara di mana komponen Islam diletakkan ditengah-tengah antara Melayu dan Beraja yang berperanan penting umpama 'nyawa' atau 'nadi' MIB.

Manakala hubungan di antara Islam dengan Melayu dan Beraja saling berkait untuk memberi jaminan keharmonian, ketenteraman dan keselamatan, kebajikan dan kebahagiaan rakyat dan penduduk di negara ini dalam sama-sama mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan NBD yang bersendikan ajaran Islam menurut akidah Ahli Sunnah Waljamaah, berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan dengan petunjuk dan reda Allah Subhanahu Wata'ala.

NBD adalah sebuah negara Melayu yang mengandungi tujuh puak jati iaitu Melayu Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Bisaya, Dusun dan Murut. Dengan kata lain, bangsa Melayu merupakan bangsa yang mendominasi keramaian penduduk dengan unsur pemerintahan dan kebudayaan serta kegiatan hariannnya berlandaskan falsafah MIB dengan mengamalkan nilai-nilai tradisi atau kebudayaan Melayu seperti sikap kekitaan, kemuafakatan, hormat-menghormati dan bertolak-ansur serta bertoleransi berlandaskan Islam.

Kesucian Islam sebagai satu-satunya agama rasmi di bumi Darussalam ini telah menjadi teras pemerintahan Kesultanan Brunei sejak kehadiran Sultan Sharif Ali menjadi Sultan Brunei Ketiga yang dikenali dengan gelaran 'Sultan Berkat' dan pewaris-pewarisnya telah mengukuhkan lagi perkembangan syiar Islam di negara ini dan perlaksanaan hukum-hukum Islam bersandarkan kepada Al-Quran dan hadis menjadi warisan bangsa Brunei masa kini.

Dalam falsafah MIB, raja dan rakyat itu berpisah tiada. Itulah kata-kata yang selayaknya menggambarkan betapa eratnya hubungan antara pemimpin dengan yang dipimpin demi satu matlamat untuk membangun negara ke mercu kejayaan di dunia dan akhirat.

Dalam meniti hari yang penuh berliku-liku ini, kita sememangnya tidak dapat lari daripada menerima cabaran dan hambatan dalam semua aspek kehidupan yang sentiasa mengalami kepesatan dalam era globalisasi ini.

Justeru, adalah menjadi tanggungjawab bersama sebagai rakyat dan penduduk NBD untuk mengukuhkan pengamalan dan penghayatan nilai-nilai MIB bagi menghakis dan membanteras anasir-anasir yang mampu mengganggu-gugat keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. – **Ketua Penyuntingan (Zk)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتريتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دچيتق اوله قرينت قلس سنديرين برحد، نكارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT MELAWAT EDUCATION CITY

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said



DOHA, QATAR, Selasa, 10 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman hari ini berangkat melawat Education City yang merangkumi kunjungan ke beberapa institusi terkemuka di Qatar yang berdedikasi terhadap pemeliharaan ilmu pengetahuan, penyelidikan saintifik dan inovasi teknologi.

Sejurus tiba di Education City, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah telah dijunjung oleh para pegawai kanan yang mewakili Qatar National Library (QNL), Qatar Environment and Energy Research Institute (QEERI) dan Qatar Science and Technology Park (QSTP).

Atur cara keberangkatan sebelah pagi bermula di QNL, di mana Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri meninjau kemudahan serba canggih serta arkib luas yang menyimpan manuskrip-manuskrip langka dan bahan-bahan bersejarah yang mencerminkan warisan kaya rantau ini.

Semasa di QNL, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia juga telah disembahkan taklimat khas mengenai The Earthna Centre for a Sustainable Future. Taklimat tersebut mengetengahkan inisiatif nasional sepanjang tempoh lima tahun (2023-2028) dalam memulihkan 40 hektar kawasan bakau serta memperkukuh daya tahan pesisir pantai di wilayah Gerang.

DYTM dan YTM kemudiannya meneruskan lawatan ke QEERI dan disembahkan taklimat semasa lawatan berpandu di fasiliti tersebut. Lawatan ini termasuk tinjauan ke salah sebuah makmal canggih QEERI, yang mengetengahkan inisiatif penyelidikan Qatar dalam bidang keselamatan tenaga, pengurusan air, dan kelestarian alam sekitar.

Bahagian terakhir atur cara lawatan berlangsung di QSTP, sebuah hab utama bagi keusahawanan berasaskan teknologi dan pengkomersialan. DYTM dan YTM telah disembahkan taklimat mengenai peranan QSTP dalam memupuk inovasi, diikuti dengan lawatan di zon teknologi sebelum berangkat pulang.

Perjumpaan-perjumpaan ini menekankan kepentingan bersama antara Negara Brunei Darussalam dan Negara Qatar, khususnya dalam menyokong pembangunan modal insan, penyelidikan termaju, serta pembinaan ekonomi yang mampan dan berasaskan pengetahuan.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman ketika berkenan berangkat melawat Qatar National Library (QNL) dan Qatar Environment and Energy Research Institute (QEERI) (kiri dan atas).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan berangkat melawat Qatar Science and Technology Park (QSTP).

Berkenan melawat Paris Saint-Germain Football Academy Qatar

DOHA, QATAR, Isnin, 9 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat melawat Paris Saint-Germain Football Academy Qatar bertempat di kampus University of Doha for Science and Technology (UDST), malam tadi, sebagai sebahagian dari Lawatan Rasmi ke Negara Qatar.

Berangkat sama, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri dijunjung oleh Pengurus Am Paris Saint-Germain Football Academy Qatar, Cyril Klosek.

Semasa lawatan itu, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia menyaksikan sesi latihan belia dan disembahkan taklimat mengenai usaha-usaha pembangunan sukan belia serta metodologi kejurulatihan yang diamalkan di Qatar.

Semasa lawatan tersebut, DYTM berkenan berinteraksi dengan seorang atlet muda Negara Brunei Darussalam yang sedang menjalani latihan di akademi berkenaan.

Ditubuhkan pada tahun 2019, Paris Saint-Germain Football Academy Qatar menyediakan latihan sukan berkualiti tinggi untuk ribuan kanak-kanak lelaki dan perempuan berusia antara 4 hingga 18 tahun di lokasi-lokasi utama seperti Education City dan UDST.

Dikendalikan oleh jurulatih yang memiliki pensijilan Union of European Football Associations (UEFA), akademi ini menerapkan falsafah permainan Paris Saint-Germain yang terkenal di seluruh dunia bagi mencungkil bakat atlet muda serta menggalakkan gaya hidup aktif dan sihat dalam kalangan masyarakat.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan beramah mesra semasa lawatan tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dan anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berangkat melawat Paris Saint-Germain Football Academy Qatar.

PELITA BRUNEI

MEMPERKUKUH KERJASAMA DALAM BIDANG PENDIDIKAN, EKONOMI, PELABURAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menghadiri Majlis Perjumpaan bersama His Highness Sheikh Abdullah bin Hamad Al-Thani, Timbalan Amir Negara Qatar.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said

DOHA, QATAR, Isnin, 9 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menghadiri Majlis Perjumpaan bersama His Highness Sheikh Abdullah bin Hamad Al-Thani, Timbalan Amir Negara Qatar susulan kunjungan hormat kepada His Highness Amir Negara Qatar, hari ini.

Perbincangan semasa Majlis Perjumpaan tersebut tertumpu kepada usaha memperkukuh kerjasama dalam bidang pendidikan, ekonomi dan pelaburan.

Perjumpaan yang diadakan di Amiri Diwan itu mengetengahkan hubungan serta kerjasama dua hala yang semakin berkembang antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Negara Qatar.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah juga mengambil kesempatan untuk memuji Negara Qatar atas peranannya yang penting dan berkesan sebagai orang tengah dalam geopolitik serantau dan antarabangsa serta mengiktiraf sumbangan besar negara tersebut terhadap keamanan dan kestabilan global.

Dalam hubungan ini, perbincangan termasuk potensi kerjasama untuk berganding bahu dalam penyaluran bantuan kemanusiaan ke Palestin.

Sebagai penutup kepada perjumpaan - perjumpaan diplomatik ini, His Highness Timbalan Amir Negara Qatar telah meraikan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dalam satu Majlis Santap Tengah Hari sempena Lawatan Rasmi Duli Yang Teramat Mulia ke Negara Qatar.

Majlis-majlis yang berlangsung ini mencerminkan layanan mesra serta ikatan persahabatan yang mendalam antara kedua-dua buah negara. Lawatan Rasmi ini merupakan satu mercu tanda bersejarah yang menandakan genap 35 tahun penubuhan hubungan diplomatik antara NBD dan Negara Qatar.

Majlis Perjumpaan bersama His Highness Amir Negara Qatar





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika bersama His Highness Sheikh Abdullah bin Hamad Al-Thani, Timbalan Amir Negara Qatar (kiri), manakala gambar bawah, ahli-ahli delegasi Negara Qatar dan delegasi Negara Brunei Darussalam.

KEBERANGKATAN Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dalam satu upacara Sambutan Rasmi.

>> Muka 1

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota telah disembahkenalkan kepada ahli-ahli delegasi Negara Qatar diikuti dengan delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) pula diperkenalkan secara rasmi kepada His Highness Timbalan Amir. Sambutan Rasmi ini menandakan permulaan yang mesra dan penuh hormat bagi urusan diplomatik pada hari tersebut.

Selepas Sambutan Rasmi tersebut, Duli Yang Teramat Mulia telah disambut dengan mesra oleh His Highness Sheikh Tamim bin Hamad Al-Thani, Amir Negara Qatar dalam satu kunjungan hormat yang merupakan satu peristiwa bersejarah yang mencerminkan hubungan erat dan berkekalan antara kedua-dua negara. Turut berangkat ialah His Highness Timbalan Amir.

Semasa kunjungan hormat tersebut, DYTM telah menyampaikan salam muhibah daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada His Highness Sheikh Tamim bin Hamad Al-Thani, Amir Negara Qatar. DYTM dan His Highness menyambut baik hubungan dua hala yang mesra antara NBD dan Negara Qatar.

DYTM dan His Highness juga bertukar-tukar pandangan mengenai usaha-usaha strategik kedua-dua buah negara untuk mempelbagaikan ekonomi sebagai kedua-dua buah negara yang kaya dengan hasil minyak serta meneroka peluang bagi memperluaskan kerjasama dalam bidang pelaburan.

DYTM turut bersabda bahawa pada tahun 2027, NBD bakal meraikan detik bersejarah iaitu Sambutan Jubli Intan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta serta Tahun Melawat Brunei (Visit Brunei Year).



PEMBANGUNAN MODAL INSAN, PENDIDIKAN, PENYELIDIKAN JADI TUMPUAN KEBERANGKATAN

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Qatar Foundation.

DOHA, QATAR, Isnin, 9 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, hari ini berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Qatar Foundation.

Semasa lawatan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan dengan Naib Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Qatar Foundation, Puan Yang Terutama Sheikha Hind bint Hamad Al Thani dan membincangkan kepentingan bersama dalam pembangunan modal insan, pendidikan berkualiti tinggi serta penyelidikan saintifik.

Sebagai sebahagian daripada atur cara lawatan, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berkenan meninjau kampus Education City dari balkoni Ibu Pejabat Qatar Foundation. Sudut pandangan berkenaan memperlihatkan ekosistem unik organisasi yang merangkumi institusi-institusi akademik bertaraf dunia serta pusat-pusat penyelidikan.

DYTM dan YTM juga disembahkan maklumat mengenai peranan penting Qatar Foundation dalam menyokong peralihan Qatar ke arah ekonomi berasaskan ilmu pengetahuan.

Ditubuhkan pada 1995, Qatar Foundation berperanan sebagai tonggak utama dalam memacu kepelbagaian ekonomi Negara Qatar, dengan mengurangkan kebergantungan kepada sektor minyak dan gas demi masa depan yang mampan dan dipacu oleh pengetahuan.

Melalui Education City, yayasan berkenaan melabur secara besar-besaran dalam bidang berteknologi tinggi termasuk sains komputer, Kecerdasan Buatan (AI) dan penyelidikan tenaga bagi melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berdaya saing di peringkat global.

Selain itu, Qatar Foundation mengendalikan institusi-institusi khusus seperti Qatar Environment and Energy Research Institute untuk memajukan inisiatif hijau dalam aspek keselamatan tenaga, pengurusan air dan perubahan iklim, di samping mengutamakan pembangunan komuniti melalui hab-hab kebudayaan dan sosial yang penting.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan dengan Naib Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Qatar Foundation, Puan Yang Terutama Sheikha Hind bint Hamad Al Thani (atas dan bawah).



Berkenan melawat National Museum of Qatar



DOHA, QATAR, Ahad, 8 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman hari ini berkenan berangkat melawat National Museum of Qatar.

Ketibaan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung oleh Chair of the Board of Trustees of Qatar Museums, Tuan Yang Terutama Sheikh Thani bin Hamad bin Khalifa Al Thani.

Berangkat sama, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Semasa lawatan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia dijunjung melawat galeri-galeri muzium yang menawarkan pengalaman imersif, yang memaparkan evolusi kronologi serta peristiwa-peristiwa penting yang membentuk identiti kebangsaan Qatar.

Delegasi telah berpeluang melihat artifak-artifak sejarah yang unik dan khazanah arkeologi yang menghuraikan warisan serta transformasi sosioekonomi Qatar yang pesat.

Lawatan ini mengetengahkan ikatan budaya yang mendalam dan hubungan persaudaraan antara Negara Brunei Darussalam dan Negara Qatar, sekali gus menekankan penghargaan bersama terhadap usaha pemeliharaan warisan negara. National Museum of Qatar mula dibuka pada tahun 1975, bertempat di dalam Istana Sheikh Abdullah bin Jassim Al Thani.

Selama lebih 50 tahun, muzium ini telah memainkan peranan dalam memelihara sejarah Qatar mengongsikan warisannya yang kaya serta menjalin hubungan dengan masyarakat dari seluruh dunia.

Pada tahun 2019, muzium ini dibuka semula di sebuah bangunan baharu yang ikonik, direka oleh arkitek Jean Nouvel dengan bentuk yang menyerupai kristal 'mawar gurun' (*desert rose*).

Kini, muzium tersebut berfungsi sebagai pusat pendidikan dan mercu tanda global yang menempatkan khazanah-khazanah langka, termasuk Permaidani Mutiara Baroda (Pearl Carpet of Baroda) dan buku-buku tulisan tangan purba.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman serta anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan berangkat melawat National Museum of Qatar (atas dan atas kiri).

PELITA BRUNEI

BERANGKAT MELAWAT HOSPITAL PAKAR WANITA, KANAK-KANAK

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said



DOHA, QATAR, Isnin, 9 November. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan meneruskan lawatan pada sebelah petang dengan berangkat melawat Sidra Medicine, iaitu sebuah hospital terkemuka khusus untuk wanita dan kanak-kanak.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Sidra Medicine, Mohammed Khalid Al Mana.

Berangkat bersama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah.

Yang Teramat Mulia telah disembahkan taklimat terperinci mengenai kerangka kerja bertaraf dunia di Sidra Medicine, yang menyepadukan perkhidmatan klinikal khusus, penyelidikan saintifik termaju, dan pendidikan perubatan bagi memperkukuh keupayaan penjagaan kesihatan nasional Qatar.

Seterusnya, YTM telah berangkat melawat kemudahan tersebut yang termasuk Wad Kanak-kanak, Taman Pemulihan (Healing Garden) serta Wad Wanita yang dilengkapi dengan kemudahan terkini.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dan anakanda-anakanda Yang Teramat Mulia berkenan berangkat melawat Sidra Medicine, iaitu sebuah hospital terkemuka khusus untuk wanita dan kanak-kanak (atas dan kiri).

Lawatan-lawatan peringkat tinggi berkenaan mengukuhkan lagi hubungan erat serta kerjasama dua hala yang semakin berkembang antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Negara Qatar, merangkumi sektor-sektor penting seperti pembangunan insan, kesihatan dan kebajikan sosial.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dan anakanda-anakanda Yang Teramat Mulia berkenan berangkat melawat Shafallah Center for Persons with Disabilities bertempat di Lusail (atas dan kanan).

Tinjau usaha memperkasa golongan kelainan upaya

DOHA, QATAR, Isnin, 9 November. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, hari ini berkenan berangkat mengadakan beberapa lawatan ke institusi-institusi sosial dan penjagaan kesihatan terkemuka di Doha, yang mencerminkan komitmen bersama yang semakin berkembang terhadap kebajikan sosial dan kecemerlangan perubatan antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Negara Qatar.

Pada sebelah pagi, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berangkat melawat Shafallah Center for Persons with Disabilities bertempat di Lusail.

Berangkat bersama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Sejurus berangkat tiba, Yang Teramat Mulia telah dialu-alukan oleh Minister of Social Development and Family, Puan Yang Terutama Buthaina bint Ali al-Jabr al-Nuaimi dan Ketua Pegawai Eksekutif Qatar Foundation for Social Work, Mr. Rashid Mohammed Al Naimi.

Lawatan berkenaan menunjukkan usaha-usaha Negara Qatar dalam memperkasa individu kelainan upaya melalui pendidikan khas yang disesuaikan, pemulihan terapeutik, latihan vokasional, dan program-program inklusi sosial yang strategik.



Semasa lawatan berkenaan, YTM berpeluang menyaksikan aktiviti-aktiviti terapeutik di pelbagai unit khusus, termasuk Bilik Taman (Garden Room), Bilik Lukisan dan Studio Fotografi.

Sebelum mengakhiri lawatan, YTM berkenan menyertai sesi bergambar bersama para pelajar dan pegawai pusat tersebut.

123 pegawai, kakitangan KHEDN bersara diraikan

>> Muka 1

Penyampaian sijil penghargaan dan plak tersebut merupakan tanda penghargaan dan pengiktirafan pihak KHEDN terhadap jasa, khidmat bakti serta sumbangan yang telah dicurahkan oleh para pesara sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.

Penghargaan ini menzahirkan komitmen KHEDN dalam mengiktiraf jasa, dedikasi dan sumbangan para pesara sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.



Khidmat bakti yang telah dicurahkan dalam mendukung pelaksanaan tugas dan tanggungjawab KHEDN serta jabatan-jabatan di bawahnya merupakan sumbangan bermakna ke arah meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan demi kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat bagi memohon keberkatan, kesejahteraan dan kesihatan yang berpanjangan kepada para pesara dalam menempuh fasa kehidupan seterusnya.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap KHEDN, ketua-ketua jabatan dan bahagian serta pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika menyampaikan tanda penghargaan kepada pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah bersara (atas dan kiri).

Memperkasa pemimpin muda cipta nilai ekonomi, nasional



>> Muka 1

Pada acara pembukaan, tetamu kehormat juga telah melawat Pameran Pavillion Belia dan berkongsi kata-kata motivasi, nasihat dan inspirasi kepada para peserta yang mengikuti konvensyen tersebut.

Pada edisi kali ni, BYLC merupakan kemajuan bermatlamat, beralih daripada sekadar memberi inspirasi kepada pelibatan belia, ke arah memperkasa pemimpin muda untuk mencipta nilai ekonomi dan nasional yang nyata.

BYLC 2026 memfokuskan kepada usaha menterjemah bakat, idea dan identiti nasional belia kepada perusahaan produktif, pekerjaan berkualiti, inovasi serta komuniti yang kukuh, termasuk memanfaatkan momentum menjelang Tahun Melawat Brunei 2027.

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

MAJLIS Pelancaran Konvensyen Pemimpin Muda Brunei (BYLC) 2026 disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) selaku tetamu kehormat majlis (kiri dan kanan), manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada konvensyen berkenaan.





SIMPOSIUM TINGKATKAN KESEDARAN MENGENAI BULI



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan semasa berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 November. - Pendidikan bukan sekadar proses menyampaikan ilmu pengetahuan. Pendidikan juga merupakan proses membentuk manusia yang mampu memahami dirinya, menghormati orang lain dan menyumbang secara positif kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Dalam persekitaran sekolah yang semakin mencabar, pelajar berhadapan dengan pelbagai isu dan tekanan, termasuk cabaran hubungan rakan sebaya, buli, pengaruh media sosial, tekanan akademik serta isu kesejahteraan mental dan emosi.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fadzlin bin Haji Amdan semasa menyampaikan ucapannya pada Simposium B.E.S.T. (Bantu, Empati, Sayangi, Tanggungjawab) bagi Tahun 2026 bertempat di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, hari ini.

Cabaran-cabaran ini, jelas beliau, memerlukan pendekatan yang menyeluruh, bersepadu dan berterusan. Kita tidak boleh hanya bertindak apabila sesuatu masalah telah berlaku. Sebaliknya, kita perlu memperkukuh usaha pencegahan, membina kesedaran dan memupuk nilai-nilai positif seawal mungkin, agar setiap pelajar mempunyai keupayaan untuk membuat keputusan yang baik, mengurus emosi dan membina hubungan yang sihat dengan orang lain.

"B.E.S.T. bukan sekadar satu akronim tetapi merupakan satu prinsip yang boleh membimbing tingkah laku dan membentuk budaya positif dalam komuniti sekolah. Pertama : Bantu - Nilai membantu mengingatkan kita bahawa setiap individu mempunyai peranan dalam memastikan tiada sesiapa yang terpinggir atau dibiarkan menghadapi kesukaran bersendirian.

"Kedua : Empati - Empati merupakan keupayaan untuk memahami perasaan, pengalaman dan perspektif orang lain. Nilai ini penting dalam membina hubungan yang sihat serta mengurangkan tingkah laku yang boleh menyakiti atau merendahkan maruah orang lain.

"Ketiga : Sayang - Kasih sayang merupakan asas kepada pembentukan persekitaran yang selamat, inklusif dan menyokong perkembangan setiap pelajar. Di peringkat sekolah, nilai kasih sayang perlu dizahirkan melalui budaya yang menghormati setiap individu, bebas daripada penghinaan dan diskriminasi serta memberikan ruang kepada pelajar untuk berasa selamat, diterima dan dihargai. Keempat : Tanggungjawab - Tanggungjawab pula mengingatkan kita bahawa setiap tindakan mempunyai kesan dan setiap individu perlu memainkan peranannya dalam membina komuniti yang positif. Pelajar perlu dibimbing untuk bertanggungjawab terhadap tingkah laku, tutur kata, keputusan dan interaksi mereka, termasuk ketika menggunakan teknologi digital dan media sosial," terang beliau.

Oleh yang demikian, jelas beliau, usaha membentuk pelajar yang seimbang dan berdaya tahan tidak boleh digalas oleh satu pihak sahaja. Ia memerlukan kerjasama erat antara pihak sekolah, guru, kaunselor sekolah, ibu bapa, agensi kerajaan dan masyarakat.

Dalam hal ini, peranan kaunselor sekolah amat penting, khususnya dalam melaksanakan intervensi awal, memberikan sokongan psikososial, meningkatkan kemahiran sosial dan emosi pelajar serta membantu pihak sekolah mengenal pasti keperluan pelajar secara lebih terancang.

Guru-guru, tambah Dr. Eddy Fadzlin, memainkan peranan penting sebagai pembimbing dan contoh teladan melalui interaksi harian bersama pelajar. Ibu bapa dan penjaga turut berperanan memperkukuh nilai-nilai yang diterapkan di sekolah melalui didikan, komunikasi terbuka dan sokongan berterusan di rumah.

Terdahulu, Majlis Simposium B.E.S.T. anjuran Kementerian Pendidikan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Sammali bin Haji Adam, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Ketua Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang Ahmad Faisal bin Haji Zainal Abidin selaku Pengerusi Bersama Majlis.

Pada sebelah pagi, simposium diisikan dengan ucaptama daripada Profesor Dr. Mansor Abu Talib, FASc, dari Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education (SHBIE), Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan tajuk 'Dari B.E.S.T ke B.E.L.A : Memastikan Setiap Pelajar Selamat dan Sejahtera'.

Kemudian dikuti dengan ucaptama secara dalam talian bersama Head of Guidance and Counseling Study Program, Faculty of Educational Sciences, Universitas Pendidikan Indonesia, Associate Professor Dr. Ipah Saripah, M.Pd dengan tajuk 'Daripada Janji Kepada Amalan : Menggembleng Sekolah, Keluarga dan Komuniti Menentang Buli'.

Manakala pada sebelah petang, simposium diisikan dengan kongsi sama daripada Cyber Security Brunei yang disampaikan oleh Penganalisa Keselamatan Siber, Jurulatih Kesedaran Keselamatan Siber, Dayang Ida Frida binti Abu, dengan tajuk 'Simulasi Cara Menangani Buli Siber'.

Seterusnya diikuti dengan kongsi sama daripada pihak Pasukan Polis Diraja Brunei yang bertajuk 'Hentikan Membuli : Usaha dan Tanggungjawab Bersama' yang disampaikan oleh Pegawai Penyiasat di Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah, P/ASP Dayangku Noorasyiqin binti Pengiran Dato Haji Sallehuddin.

Simposium B.E.S.T. pada tahun ini yang bertemakan 'Setiap Pelajar Selamat dan Sejahtera : Dari Janji Kepada Amalan' merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan yang dikendalikan bersama oleh Jabatan Sekolah-Sekolah dan Bahagian Kaunseling.

Simposium ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu buli dan kesannya; memberikan pendedahan tentang strategi pencegahan dan intervensi; menggalakkan budaya sekolah dan komuniti yang selamat; memperkukuh kerjasama antara agensi dan profesional, seterusnya menghasilkan cadangan tindakan yang boleh diukur.

Turut hadir pada simposium berkenaan ialah ketua-ketua jabatan di Kementerian Pendidikan, penghulu mukim, ketua kampung, pemimpin sekolah, wakil agensi penguatkuasaan serta guru-guru kaunseling sekolah.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad





TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan hadir pada Simposium B.E.S.T. (Bantu, Empati, Sayangi, Tanggungjawab) bagi Tahun 2026 (atas), manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada simposium tersebut.

PELITA BRUNEI

PENANDATANGANAN PERJANJIAN PENGURUSAN JEMAAH HAJI NBD

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

ARAB SAUDI, Selasa, 10 November. - Perjanjian Pengurusan Haji bagi Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (NBD) Tahun 1448 Hijrah / 2027 Masihi telah dimeterai pada Isnin, 9 November 2026 yang diadakan di Superdome, Jeddah, Arab Saudi.

Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, NBD, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Dr. Tawfiq bin Fawzan Al-Rabiah.

Sebelum majlis penandatanganan tersebut dimulakan, satu Perjumpaan Dua Hala telah diadakan bagi membincangkan hal ehwal pengurusan jemaah haji NBD bagi Musim Haji Tahun 1448H / 2027M nanti.

Turut hadir pada majlis tersebut, Kuasa Usaha Sementara, Kedutaan Besar NBD di Arab Saudi, Awang Muhammad 'Azim bin Abdul Hadi; serta Pemangku Konsul Agung NBD di Jeddah dan rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Perjanjian Pengurusan Haji bagi Jemaah Haji NBD Tahun 1448H / 2027M yang ditandatangani tersebut adalah merupakan kesinambungan hasil Mesyuarat Pengurusan Hal Ehwal Jemaah Haji NBD bagi Musim Haji Tahun 1448H / 2027M yang telah diadakan secara dalam talian sebelumnya, yang memfokuskan keteraturan pengurusan jemaah haji mengikut peraturan dan tempoh masa yang telah ditetapkan bagi memastikan jemaah haji dapat melaksanakan manasik haji dalam keadaan selamat dan teratur.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah menghadiri Majlis Makan Malam pada 7 November 2026.

Seterusnya menghadiri Perjumpaan Ketua-ketua Delegasi bersama Tuan Yang Terutama Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi, Perjumpaan Ketua-ketua Delegasi bersama Duli Yang Teramat Mulia Putera Saud bin Mishaal bin Abdulaziz (Timbalan Gabenor Makkah) dan Majlis Perasmian 6th Edition of the Haji Conference and Exhibition di Arab Saudi pada 8 November 2026.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menandatangani Perjanjian Pengurusan Haji bagi Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam Tahun 1448 Hijrah / 2027 Masihi yang diadakan di Superdome, Jeddah, Arab Saudi.

Pelan tindakan komprehensif tangani NCD, obesiti



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir bagi Majlis Pelancaran Bersama BruMAP NCDMH 2026-2035 dan Pelan Strategik Kementerian Kesihatan bagi Pencegahan dan Pengurusan Berat Badan Berlebihan dan Obesiti di Brunei Darussalam 2026–2035.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku tetamu kehormat ketika menyampaikan buku pelan berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 November. - Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit (NCD) terus menjadi punca utama kepada kebanyakan kes kematian di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Mengikut anggaran daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), sebanyak 81 peratus kematian pada tahun 2021 adalah disebabkan oleh NCD.

Bukan itu sahaja, kebarangkalian bagi individu berumur antara 30 hingga 70 tahun yang meninggal dunia akibat penyakit jantung, kanser, diabetes atau penyakit pernafasan kronik dilaporkan berada pada kadar 14.9 peratus.

Mengikut dapatan daripada Kaji Selidik STEPS Kebangsaan 2022/23 turut mendedahkan status kesihatan semasa yang membimbangkan, di mana 65.7 peratus orang dewasa berumur 18 hingga 69 tahun mengalami berat badan berlebihan atau obesiti. Di samping itu, hampir empat daripada 10 orang (39.8 peratus) dikesan mempunyai tekanan darah tinggi, namun hanya 21.8 peratus daripada jumlah tersebut yang berjaya mengawalnya.

Dari segi pemakanan pula, purata pengambilan garam dalam kalangan rakyat adalah sebanyak 9.6g sehari, iaitu hampir dua kali ganda berbanding had yang disyorkan oleh WHO iaitu 5g sehari.

Begitu juga dengan penuaan penduduk yang merupakan satu lagi cabaran demografi yang utama. Kira-kira 36,300 orang iaitu 7.9 peratus, berumur 65 tahun ke atas pada tahun 2025, dan jumlah ini dijangka mencecah kira-kira 54,700 orang menjelang 2040.

Perkembangan ini menandakan peningkatan bilangan individu yang akan hidup dengan pelbagai penyakit jangka panjang, kecacatan serta keperluan penjagaan khusus.

Malahan, aspek kesihatan mental juga memerlukan perhatian yang lebih rapi, terutamanya dalam kalangan golongan muda. Kaji Selidik Kesihatan Pelajar Berasaskan Sekolah Global (Global School-based Student Health Survey) 2019 mendapati 12.2 peratus pelajar berumur 13 hingga 17 tahun melaporkan sekurang-kurangnya satu percubaan membunuh diri dalam tempoh setahun sebelum tinjauan dibuat.

Selain itu, isu kebimbangan dan kemurungan kini termasuk antara lima punca utama kepada kehilangan tahap kesihatan bagi golongan berumur 10 hingga 24 tahun.

Justeru itu, bagi menangani isu-isu tersebut, Kementerian Kesihatan telah melancarkan dua kerangka tindakan utama komprehensif bagi dekad akan datang iaitu Pelan Tindakan Pelbagai Sektor Negara Brunei Darussalam bagi Pencegahan dan Pengawalan NCD serta Promosi Kesihatan Mental dan Kesejahteraan 2026-2035 (BruMAP NCDMH 2026–2035).

Kedua, Pelan Strategik Kementerian Kesihatan bagi Pencegahan dan Pengurusan Berat Badan Berlebihan dan Obesiti di Brunei Darussalam 2026-2035.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Bersama BruMAP NCDMH 2026-2035 dan Pelan Strategik Kementerian Kesihatan bagi Pencegahan dan Pengurusan Berat Badan Berlebihan dan Obesiti di Brunei Darussalam 2026–2035 diadakan di Dewan Serambi Suluh, Tarindak d'Seni, di ibu negara, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat dan melancarkan BruMAP NCDMH 2026-2035 dan Pelan Strategik Kementerian Kesihatan bagi Pencegahan dan Pengurusan Berat Badan Berlebihan dan Obesiti di Brunei Darussalam 2026–2035 ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

BruMAP NCDMH 2026-2035 membawa visi ke arah 'Brunei Darussalam yang lebih sihat dan berdaya tahan, di mana setiap orang dapat hidup sejahtera sepanjang kitaran hayat'.

Manakala misi pelan ini adalah untuk mempertingkat tindakan seluruh kerajaan dan seluruh masyarakat bagi mencegah penyakit-penyakit tidak berjangkit, menggalakkan kesihatan fizikal dan kesejahteraan mental, mewujudkan persekitaran yang lebih sihat serta menyediakan pencegahan, penjagaan dan sokongan yang saksama, bersepadu dan berpusatkan individu'.

BruMAP NCDMH 2026–2035 merupakan pelan tindakan pelbagai sektor nasional ketiga bagi NCD dan yang pertama menggabungkan pencegahan serta kawalan NCD dengan promosi kesihatan mental dalam satu kerangka.

Pelan ini menjadi kerangka kebangsaan untuk mencegah dan mengawal NCD, memperkukuh kesihatan mental dan meningkatkan kualiti hidup, meliputi penyakit seperti kardiovaskular, diabetes, kanser, penyakit pernafasan dan buah pinggang kronik serta kesihatan pergigian.

Pelan ini turut menekankan peralihan daripada pengiraan aktiviti kepada pembuktian hasil, di samping memperluas tindakan daripada sektor kesihatan kepada pendekatan Whole of Government and Whole of Nation Delivery.

Pelan ini digubal melalui kerjasama pelbagai sektor dengan sokongan teknikal WHO dan menggariskan enam objektif strategik yang meliputi tadbir urus, promosi kesihatan, pengesanan awal, penjagaan bersepadu, kesihatan mental serta data, kesihatan digital, penyelidikan dan inovasi.

Pelan ini turut menekankan peralihan daripada mengukur aktiviti kepada membuktikan hasil, memperkukuh penjagaan bersepadu dan berpusatkan individu, serta menggalakkan tindakan berasaskan data melalui pendekatan seluruh kerajaan dan negara.

BruMAP NCDMH 2026-2035 berjalan seiring dengan Pelan Strategik Kementerian Kesihatan bagi Pencegahan dan Pengurusan Berat Badan Berlebihan dan Obesiti di Brunei Darussalam 2026-2035.

Kedua-dua pelan, iaitu BruMAP NCDMH dan Pelan Strategik Obesiti Kementerian Kesihatan, membentuk usaha bersepadu untuk membendung peningkatan obesiti dalam kalangan kanak-kanak, remaja dan dewasa menjelang 2035. Brunei Darussalam turut menjadi antara negara perintis bagi Pelan Pecutan WHO untuk Menghentikan Obesiti.

Antara inisiatif yang dirancang termasuk memperkenalkan perkhidmatan pengurusan berat badan khusus bagi kanak-kanak dan remaja, melaksanakan pemeriksaan BMI secara rutin, memperkukuh sistem rujukan kesihatan serta meningkatkan latihan profesional kesihatan dan pemantauan pertumbuhan di sekolah.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud, diikuti dengan ucapan pelancaran oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Turut hadir ialah wakil WHO ke Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura, merangkap Ketua Pejabat Negara WHO, Dr. Rabindra Abeyasinghe, yang turut menyampaikan ucaptama.

Majlis berkenaan juga dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan, wakil-wakil sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, serta individu-individu yang mempunyai pengalaman hidup berkaitan.

Melalui pelancaran bersejarah ini, Kementerian Kesihatan menaruh harapan agar rakyat Brunei dapat hidup lebih lama dalam keadaan sihat dengan sistem penjagaan yang dekat dan berterusan.

Keberhasilan ini mampu dicapai melalui amalan tanggungjawab bersama serta penerapan pendekatan seluruh masyarakat, demi sama-sama merealisasikan matlamat utama Wawasan Brunei 2035 : Kehidupan Rakyat yang berkualiti tinggi.

PERKUKUH PENJAGAAN KESIHATAN BERSEPADU, TINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



YANG Berhormat Menteri Kesihatan ketika berucap pada majlis tersebut.

>> Muka 1

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menegaskan masih terdapat kekurangan bukti dan maklumat yang penting, antaranya kerana tiada tinjauan kesihatan mental kebangsaan dijalankan dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Oleh itu, meningkatkan pemahaman tentang keperluan kesihatan mental masyarakat akan menjadi bahagian penting dalam pelan tindakan baharu.

Bahkan, tegasnya lagi, penduduk kita juga semakin menua. Pada tahun 2025, kira-kira 36,300 orang berumur 65 tahun ke atas di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan jumlah ini dijangka meningkat kepada 54,700 menjelang tahun 2040. Oleh itu, pencegahan, pengesanan awal dan intervensi tepat pada masanya adalah penting bagi mengurangkan beban terhadap keluarga serta perkhidmatan kesihatan dan kebajikan sosial.

"Alhamdulillah, NBD mempunyai asas yang kukuh untuk terus maju. Sistem penjagaan kesihatan kita menyediakan perkhidmatan kesihatan primer dan pakar yang mantap, program pencegahan dan saringan kebangsaan, serta platform digital seperti Bru-HIMS dan BruHealth. Jangka hayat juga meningkat daripada 77.7 tahun pada 2019 kepada 79.1 tahun pada 2024, sekali gus menghampiri sasaran Wawasan Brunei 2035, iaitu 82 tahun," ujar Yang Berhormat.

Susulan daripada kemajuan ini, Pasukan Petugas Obesiti (Obesity Taskforce), katanya, telah ditubuhkan pada tahun 2024. Dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Brunei Darussalam menjadi negara pertama yang melaksanakan Program Latihan Jurulatih bagi Penjagaan Kronik Obesiti pada awal tahun ini.

"Kami juga sedang memperkukuh pencegahan dan pengurusan penyakit kardiovaskular melalui CARDIO4Cities, satu inisiatif yang bertujuan untuk menambah baik pengesanan awal, rawatan, dan kawalan terhadap faktor-faktor risiko utama," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyatakan, selain kemudahan penjagaan kesihatan, program Sekolah Mempromosi Kesihatan (Health Promoting School), yang dilaksanakan bersama Kementerian Pendidikan serta Program Tempat Kerja dan Kesihatan (Workplace and Health Programme), menyokong persekitaran yang lebih sihat dan pengesanan awal faktor risiko Penyakit Tidak Berjangkit (NCD).

Terang Yang Berhormat, inisiatif komuniti seperti BN on the Move pula menggalakkan aktiviti fizikal, sementara dalam aspek kesihatan mental, program kaunseling pula, sokongan rakan sebaya, kesedaran, dan jangkauan komuniti membantu meluaskan akses kepada sokongan serta mengurangkan stigma.

Dalam hal ini, BruMAP NCDMH 2026-2035, jelas Yang Berhormat, menyepadukan tindakan menangani penyakit tidak berjangkit dan kesihatan mental di bawah satu rangka kerja yang terkoordinasi, dengan enam hasil strategik yang disasarkan untuk dicapai menjelang tahun 2035, iaitu dengan mengurangkan kematian pramatang akibat empat NCD utama kepada 13 peratus atau lebih rendah; membolehkan penduduk hidup lebih lama dalam keadaan sihat, dengan sasaran untuk meningkatkan jangka hayat serta jangka hayat sihat sekurang-kurangnya dua tahun; mengurangkan penyakit, komplikasi, dan keterbatasan fungsi yang boleh dicegah; meningkatkan kesejahteraan mental penduduk; mengurangkan prevalens faktor-faktor risiko utama NCD, termasuk mengurangkan tabiat merokok tembakau kepada 9.4 peratus atau lebih rendah, dan penggunaan rokok elektronik kepada 7.7 peratus atau lebih rendah; mengurangkan pengambilan garam; mengurangkan prevalens tekanan darah tinggi sebanyak 25 peratus; serta membendung peningkatan kadar obesiti; dan juga merapatkan jurang ketidaksamaan dalam hasil kesihatan merentasi daerah dan kumpulan penduduk.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, pelan tersebut turut menggariskan enam set objektif strategik dan tujuh set pemboleh strategik, yang secara kolektif menyediakan rangka kerja bagi tindakan bersepadu merentasi pelbagai sektor.

Menurut Yang Berhormat, pelan ini memberi penekanan kepada penjagaan yang bersepadu dan berterusan.

Penjagaan kesihatan primer akan memainkan peranan yang lebih besar dalam menyelaraskan penjagaan dan sokongan jangka panjang, khususnya bagi individu yang menghidap pelbagai penyakit kronik, tambah Yang Berhormat lagi.

Tindakan berkaitan kesihatan mental akan disepadukan ke dalam aspek pencegahan, penjagaan kesihatan primer, pengurusan penyakit kronik, dan pemulihan, dengan mengambil kira hubungan rapat antara kesihatan fizikal dan mental, ujar Yang Berhormat.

"Matlamat kami adalah untuk memastikan penjagaan berkualiti sepanjang perjalanan penjagaan kesihatan setiap pesakit, iaitu bermula daripada saringan dan pengesanan awal, sehinggalah kepada rawatan, pemulihan, dan penjagaan paliatif jika diperlukan."

Daripada itu, BruMAP NCDMH yang dilancarkan pada hari ini, katanya, merupakan kesinambungan daripada dua pelan tindakan kebangsaan utama yang telah berakhir pada tahun lalu, iaitu BruMAP NCD 2021 hingga 2025 dan Pelan Tindakan Kesihatan Mental 2022 hingga 2025.

"Buat pertama kalinya, usaha untuk menangani penyakit tidak berjangkit dan kesihatan mental telah digabungkan di bawah satu pelan tindakan kebangsaan, yang menyediakan rangka kerja terselaras untuk memandu usaha kita sepanjang sepuluh tahun akan datang.

“Juga buat pertama kalinya, Kementerian Kesihatan telah menetapkan pelan strategik khusus bagi pencegahan dan pengurusan berat badan berlebihan serta obesiti, dengan menyepadukan tindakan merentasi kesinambungan penjagaan dan pelbagai kumpulan penduduk," terang Yang Berhormat lagi.

Kerjasama semua pihak kunci kejayaan pelan kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 November. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menyeru semua pihak berkepentingan agar memainkan peranan masing-masing dalam melaksanakan perkara yang berada di bawah tanggungjawab mereka serta menentukan aktiviti dan sumber yang diperlukan untuk mencapai matlamat bersama.

Kementerian Kesihatan komited untuk memastikan penyelarasan dan akauntabiliti yang kukuh.

Di samping itu, setiap kegiatan utama di bawah BruMAP NCDMH akan mempunyai agensi peneraju atau perkhidmatan yang ditetapkan bagi melaksanakannya.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menggesa perkara tersebut semasa berucap pada Majlis Pelancaran Bersama BruMAP NCDMH 2026-2035 dan Pelan Strategik Kementerian Kesihatan bagi Pencegahan dan Pengurusan Berat Badan Berlebihan dan Obesiti di Brunei Darussalam 2026-2035 yang berlangsung di Dewan Serambi Suluh, Tarindak d'Seni, di ibu negara, hari ini.

Menurut Yang Berhormat, Pejabat Pengurusan Program BruMAP akan ditubuhkan di bawah Pejabat Setiausaha Tetap untuk menyelaras jawatankuasa pelbagai sektor dan kumpulan kerja teknikal, memantau kemajuan serta melaporkan perkembangan secara berkala kepada Pasukan Petugas Pelbagai Sektor bagi Kesihatan.

Pasukan Petugas Obesiti Kementerian, ujar Yang Berhormat, akan mengawasi Pelan Strategik Obesiti dan memantau kemajuan dalam pencegahan, penyampaian perkhidmatan serta hasil pesakit.

“Sementara itu, Kumpulan Kerja Teknikal Obesiti yang baharu dilantik akan menerajui pelaksanaan pelan tersebut.

“Usaha di bawah kedua-dua pelan negara akan diselaraskan apabila bersesuaian, dengan akauntabiliti yang jelas bagi objektif dan tindakan masing-masing,” tambah Yang Berhormat lagi.

Terdahulu, pelan kedua yang dilancarkan pada hari ini, iaitu Pelan Strategik Kementerian Kesihatan bagi Pencegahan dan Pengurusan Berat Badan Berlebihan dan Obesiti di Negara Brunei Darussalam 2026-2035, jelas Yang Berhormat, memberikan tumpuan khusus kepada berat badan berlebihan dan obesiti.

Yang Berhormat menegaskan, walaupun obesiti diiktiraf sebagai faktor risiko utama NCD dalam BruMAP NCDMH, keadaan ini juga memerlukan strategi khusus kerana sifatnya yang kompleks, skalanya yang besar dan keperluan terhadap langkah pencegahan serta penjagaan berterusan berasaskan bukti.

Pada bulan Mac 2026, Yang Berhormat menjelaskan bahawa Kementerian Kesihatan secara rasmi mengiktiraf obesiti sebagai penyakit tidak berjangkit pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Kali Ke-22.

Pengiktirafan ini, terang Yang Berhormat, mencerminkan perubahan penting: obesiti ialah keadaan yang kompleks dan berbilang faktor, yang dibentuk bukan sahaja oleh tingkah laku individu, bahkan juga oleh persekitaran makanan, peluang untuk melakukan kegiatan fizikal, keadaan sosial dan fizikal, serta akses kepada penjagaan kesihatan.

"Pelan Strategik Obesiti ini menggariskan tiga tonggak utama. Pertama, mengubah sistem kesihatan bagi memperkukuh pencegahan, pengenalpastian awal, pengurusan dan rawatan berat badan berlebihan serta obesiti sepanjang hayat. Ini termasuk menyepadukan pencegahan dan pengurusan obesiti ke dalam penjagaan kesihatan primer rutin, memperkukuh keupayaan tenaga kerja serta mewujudkan laluan rujukan yang lebih jelas.

"Kedua, mewujudkan persekitaran yang menyokong dan memudahkan akses kepada pemakanan sihat serta kegiatan fizikal.

“Ketiga, memperkasa individu, keluarga dan masyarakat dengan pengetahuan, kemahiran dan sokongan yang diperlukan untuk membuat pilihan yang berinformasi dan berkekalan," jelas Yang Berhormat lagi.

Jelas Yang Berhormat, kejayaan pelan-pelan ini bergantung pada pendekatan seluruh negara. Banyak faktor yang membentuk kesihatan terletak di luar sektor kesihatan, termasuk makanan yang kita import dan konsumsi, perancangan bandar, pengangkutan serta persekitaran tempat kita tinggal, belajar dan bekerja.

Kementerian dan agensi, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, institusi akademik, masyarakat dan keluarga, tegas Yang Berhormat, semuanya mempunyai peranan penting.

Maka daripada itu, Yang Berhormat mewakili pihak Kementerian Kesihatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua kementerian, agensi kerajaan, sektor swasta, institusi akademik, pertubuhan bukan kerajaan dan rakan masyarakat yang telah menyumbang kepada pembangunan pelan ini. Penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia atas sokongan teknikal yang berterusan sepanjang proses pembangunan pelan ini, serta kepada pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan dan ahli-ahli jawatankuasa penganjur atas dedikasi dan kerja keras mereka.

PELITA BRUNEI

NBD TUAN RUMAH KONSORTIUM PENDIDIKAN PISA ASIA TENGGARA KALI PERTAMA



MAJLIS Perasmian Konsortium berkenaan berlangsung di Songket Ballroom, Rizqun International Hotel, Gadong dan disempurnakan oleh tetamu kehormat, Yang Mulia Pemangku Menteri Pendidikan.

GADONG, Selasa, 10 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Kementerian Pendidikan mencatatkan satu lagi pencapaian dalam memperkukuh kerjasama pendidikan serantau apabila buat julung kalinya menganjurkan Konsortium bagi Programme for International Student Assessment (PISA) Kali Pertama Tahun 2026.

Majlis Perasmian Konsortium berkenaan berlangsung di Songket Ballroom, Rizqun International Hotel, Gadong dan disempurnakan oleh tetamu kehormat, Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin serta Duta-duta Besar; Naib Canselor dan Rektor; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan Kementerian Pendidikan dan wakil-wakil daripada Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), Paris.

Konsortium yang berlangsung dari 10 hingga 12 November 2026 itu menghimpunkan delegasi negara-negara anggota konsortium yang terdiri daripada NBD, Kerajaan Kemboja, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura, Kerajaan Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam.

Turut menyertai konsortium berkenaan ialah Ahli-ahli Pemerhati yang terdiri daripada Republik Demokratik Rakyat Lao, Republik Kesatuan Myanmar dan Republik Demokratik Timor-Leste serta jemputan dari Asia Timur (dengan Pencapaian PISA Tertinggi) iaitu Jepun, Republik Korea Selatan dan Republik Rakyat China.

Penganjuran edisi sulung oleh NBD selaku negara tuan rumah itu diselaraskan oleh Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan serta Bahagian Perhubungan Antarabangsa, Kementerian Pendidikan.

Konsortium ini merupakan satu platform kerjasama serantau yang menghimpunkan negara-negara Asia Tenggara serta negara-negara rakan dari Asia Timur bagi menggalakkan perkongsian pengalaman, amalan terbaik dan pendekatan berasaskan bukti dalam usaha meningkatkan kualiti dan kesaksamaan pendidikan.

Bertemakan 'Advancing Innovative and Sustainable Education : From PISA Evidence to Action', ia memberi penekanan kepada kepentingan penggunaan bukti dan dapatan PISA 2025 sebagai asas dalam merangka dasar serta melaksanakan pendekatan pendidikan yang inovatif dan mampan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Dr. Dayang Shamsiah Zuraini Kanchanawati, selaku Ahli Lembaga Tadbir PISA (PISA Governing Board) NBD.

Dalam ucapannya, Dr. Dayang Shamsiah Zuraini Kanchanawati antara lain menjelaskan bahawa penubuhan konsortium berkenaan merupakan satu pencapaian penting dalam memperkukuh kerjasama serantau dalam bidang pendidikan.

Menurutnya, berasaskan dapatan laporan antarabangsa PISA 2025, inisiatif berkenaan menyediakan platform bagi negara-negara peserta untuk bertukar pengalaman, membincangkan cabaran bersama serta meneroka pendekatan berasaskan bukti dalam memajukan kualiti dan kesaksamaan pendidikan.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohammad Hasif Matzin

Beliau turut menekankan bahawa penilaian antarabangsa seperti PISA bukan sahaja memberikan gambaran mengenai pengetahuan dan kompetensi pelajar, malah turut menyediakan maklumat penting berkaitan pengalaman serta persekitaran pembelajaran mereka.

Bagaimanapun, nilai sebenar dapatan tersebut, jelasnya, bukan sekadar memahami pencapaian pelajar, tetapi juga terletak pada keupayaan untuk mentafsir bukti, mengenal pasti bidang yang perlu ditambah baik dan menterjemahkan penemuan berkenaan kepada dasar serta amalan yang bersesuaian dengan konteks setiap negara.

Sehubungan itu, beliau menegaskan bahawa usaha meningkatkan mutu pendidikan memerlukan kepimpinan yang berwawasan, kesediaan untuk berinovasi serta komitmen berterusan, di samping kesediaan negara-negara peserta untuk saling belajar dan menyesuaikan pendekatan mengikut keperluan serta keutamaan masing-masing.

Majlis diteruskan dengan Pelancaran Rasmi Konsortium Pendidikan PISA Asia Tenggara Kali Pertama Tahun 2026 yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Atur cara diteruskan dengan Pembentangan Utama melalui rakaman video yang disampaikan oleh Pengarah Pendidikan dan Kemahiran, OECD, Paris, Andreas Schleicher serta Pakar Analisis Kanan OECD, Paris, Dr. Miyako Ikeda.

Program konsortium pada hari pertama turut merangkumi dua Sesi Plenari yang bertemakan 'Best Practices and Key Learnings in Improving Education Outcomes'.

Sesi-sesi tersebut menampilkan perkongsian daripada pakar-pakar OECD dan delegasi-delegasi jemputan, yang memberi peluang kepada negara-negara peserta untuk berkongsi pengalaman serta pendekatan dalam meningkatkan hasil pendidikan.

Konsortium ini turut memberi tumpuan kepada empat bidang utama, iaitu Kecekapan Sains (Science Proficiency); Kesejahteraan Pelajar dan Persekitaran Pembelajaran (Students' Well being and Learning Environment); Interaksi Digital Pelajar termasuk Kecerdasan Buatan (Students' Digital Interaction including AI) serta Perubahan Iklim dan Cabaran Alam Sekitar (Climate Change and Environmental Challenges).

Melalui sesi perkongsian, dialog dan bengkel interaktif, konsortium ini diharap dapat memperkukuh kerjasama serantau, meningkatkan kapasiti serta membina rangkaian profesional dalam kalangan negara peserta ke arah memajukan sistem pendidikan yang berkualiti, inklusif dan mampan.

Perkukuh kapasiti institusi, tingkatkan kecekapan pentadbiran hasil



SETIAUSAHA Tetap (Fiskal), Kementerian Kewangan selaku tetamu kehormat bergambar ramai pada Mesyuarat 2026 PEMNA Revenue Community of Practice Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 November. – Kementerian Kewangan melalui Bahagian Hasil, dengan kerjasama Sekretariat Public Expenditure Management Network in Asia (PEMNA), menganjurkan Mesyuarat 2026 PEMNA Revenue Community of Practice Brunei Darussalam yang berlangsung selama tiga hari, bermula hari ini hingga 12 November 2026, bertempat di Radisson Hotel, di ibu negara.

Mesyuarat tersebut dirasmikan oleh tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Fiskal), Kementerian Kewangan, Awang Haji Asrul Adrain bin Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Ahmad.

Dalam ucapan perasmiannya, Awang Haji Asrul Adrain menjelaskan bahawa PEMNA Revenue Community of Practice (R-CoP), yang ditubuhkan setahun lalu, merupakan perkembangan terbaharu kepada rangkaian PEMNA yang sejak 2013 telah menggalakkan perkongsian ilmu, pembelajaran bersama dan kerjasama dalam kalangan pengamal pengurusan kewangan awam di rantau Asia.

Menurutnya, penubuhan R-CoP mencerminkan pengiktirafan bahawa pengurusan kewangan awam yang mampan bukan sahaja bergantung kepada pengurusan perbelanjaan yang berhemat, malah turut memerlukan sistem hasil dalam negeri yang kukuh, cekap dan berdaya tahan.

Walaupun masih di peringkat awal penubuhannya, R-CoP telah membuktikan kepentingan platform berkenaan dalam menghimpunkan pentadbiran hasil bagi berkongsi pengalaman, membincangkan cabaran bersama serta mempelajari kejayaan antara satu sama lain.

Dalam tempoh yang singkat, R-CoP juga telah berkembang menjadi platform yang dipercayai dalam membina rangkaian profesional, berkongsi penyelesaian praktikal dan menggalakkan inovasi dalam bidang pentadbiran cukai, pengurusan pematuhan, transformasi digital, analisis data dan percukaian antarabangsa.

Beliau turut menegaskan bahawa penganjuran mesyuarat berkenaan bukan sahaja meraikan ulang tahun pertama penubuhan R-CoP, malah menjadi asas kepada perkembangan dan hala tuju platform tersebut pada masa hadapan.

Sehubungan itu, Negara Brunei Darussalam (NBD) berbesar hati untuk menyumbang kepada usaha berkenaan melalui penganjuran mesyuarat yang diharap dapat terus memperkukuh kerjasama, memperdalam kerjasama teknikal serta memperbaharui komitmen bersama dalam membangunkan pentadbiran hasil yang moden, telus dan responsif.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Diadakan secara hibrid, mesyuarat tersebut menghimpunkan kira-kira 75 peserta yang terdiri daripada pegawai pentadbiran hasil dari lebih 11 buah negara serta wakil pertubuhan antarabangsa, termasuk NBD, Kemboja, Republik Rakyat China, Indonesia, Republik Korea, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Mongolia, Filipina, Thailand, Timor-Leste dan Viet Nam serta Kesatuan Eropah (EU), Kumpulan Bank Dunia (World Bank Group) dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Bertemakan 'Strengthening Revenue Administration through Compliance, Data, and Strategic Planning', mesyuarat berkenaan memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh pentadbiran hasil melalui peningkatan pematuhan, penggunaan data secara strategik serta perancangan yang lebih berkesan.

Antara perkara yang dibincangkan termasuk pendekatan untuk meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela melalui penambahbaikan perkhidmatan kepada pembayar cukai, pelaksanaan strategi bersasar serta keseimbangan antara pemberian sokongan dan perkhidmatan kepada pembayar cukai dengan tindakan penguatkuasaan.

Perbincangan turut menyentuh mengenai kepentingan integrasi dan analisis data serta perkongsian maklumat antara agensi bagi membantu proses membuat keputusan yang lebih tepat, mengenal pasti risiko ketidakpatuhan, meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan memperkukuh prestasi kutipan hasil.

Selain itu, mesyuarat berkenaan turut meneliti pendekatan praktikal dalam penyediaan unjuran hasil, khususnya melalui penggunaan data pentadbiran, pematuhan dan pembayar cukai bagi meningkatkan ketepatan unjuran serta memperkukuh penyelarasan antara pentadbiran cukai, kutipan hasil dan perancangan fiskal.

Penyertaan NBD dalam PEMNA Revenue Community of Practice merupakan platform penting dalam memperkukuh kapasiti institusi serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknikal pegawai yang terlibat dalam pentadbiran hasil.

Melalui perkongsian pengalaman dan amalan terbaik bersama negara-negara anggota, NBD berpeluang memperluas pengetahuan dalam pelbagai bidang, termasuk pemungutan hasil, pematuhan, pendigitalan dan perancangan strategik.

Penyertaan tersebut juga mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Kewangan dalam memperkasa pentadbiran hasil, memperkukuh kapasiti institusi serta memastikan sistem pengurusan kewangan awam negara kekal mampan dan responsif terhadap keperluan semasa.

Hadir sama ialah Pemangku Pengarah Bahagian Hasil, Dayangku Masleda binti Pengiran Daud selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja bagi mesyuarat berkenaan.

Amanah Yang Dituntut Ke Atas Penggapai

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

APABILA berlaku kematian, salah satu perkara yang wajib dilaksanakan ke atas si mati ialah memandikan mayatnya. Hukum memandikan mayat adalah fardhu kifayah. Imam an-Nawawi *Rahimahullah* berkata dalam kitabnya al-Majmu' :

Ertinya : *Dan memandikan mayat itu adalah fardhu kifayah berdasarkan ijma' kaum muslimin.*

Di Negara Brunei Darussalam, terdapat pihak-pihak yang ditugaskan atau berkemahiran dalam mengurus dan menyempurnakan jenazah termasuk urusan memandikannya yang dikenali sebagai 'penggapai'. Pihak-pihak ini akan dihubungi oleh keluarga si mati bagi membantu mengendali pengurusan jenazah ahli keluarga mereka.

Sebagai pihak yang melaksanakan salah satu tuntutan fardhu kifayah, penggapai memikul amanah dan tanggungjawab yang sangat besar. Memandangkan pengurusan memandikan mayat memerlukan kepakaran dan pengetahuan khusus mengenai kaifiat dan adab-adabnya, maka pada kelazimannya pihak keluarga akan menyerahkan sepenuh kepercayaan kepada penggapai untuk melaksanakan urusan pemandian mayat ahli keluarga mereka.

Ketika melaksanakan tugas memandikan mayat, penggapai berkemungkinan akan terlihat atau terdedah kepada perkara-perkara yang tidak diketahui orang lain mengenai si mati. Perkara-perkara tersebut antaranya keadaan kematian si mati, keadaan fizikalnya, auratnya, tanda-tanda yang baik seperti berbau harum, berseri-seri atau sebaliknya. Oleh kerana itu, tidak syak lagi tugas memandikan mayat menghendaki penggapai supaya mempunyai sifat amanah. Sifat amanah bukan sekadar dituntut dalam menjaga maruah, rahsia dan aib si mati, bahkan juga meliputi kejujuran dalam melaksanakan setiap langkah kerja-kerja memandikan mayat mengikut kehendak hukum syara'.

Sunat mencari penggapai yang bersifat amanah. Perkara ini kerana penggapai yang bersifat amanah dapat dipercayai untuk menyempurnakan tugas-tugas memandikan mayat dengan sempurna dan beramanah dalam menjaga maruah, rahsia dan aib si mati. Walau bagaimanapun, kerja memandikan mayat yang dilaksanakan oleh penggapai yang fasik hukumnya adalah sah dan mayat yang telah dimandikannya itu tidak perlu dimandikan semula.

Sekalipun memandikan mayat itu sah dilaksanakan oleh penggapai yang fasik, namun haram bagi pemerintah melantik atau menyerahkan urusan memandikan mayat orang Islam kepada orang fasik kerana orang fasik tidak layak untuk menjalankan amanah dan tanggungjawab seumpama itu. Begitu juga haram melantik atau menyerahkan urusan memandikan mayat kepada orang yang tidak mengetahui perkara-perkara yang wajib diketahui dalam perkara memandikan mayat.

Antara amanah yang dituntut ke atas penggapai adalah seperti berikut :

(i) Melaksanakan tugas-tugas memandikan mayat dengan sempurna iaitu dengan memenuhi tuntutan-tuntutan wajib dan menunaikan tuntutan-tuntutan sunat dengan sebaik-baiknya.

Bagi menunaikan tuntutan di atas, penggapai wajib mengetahui perkara-perkara yang wajib dilakukan ketika memandikan mayat kerana hanya dengan mengetahui perkara-perkara ini dia dapat melaksanakan tugas-tugas memandikan mayat sesuai dengan kehendak syara'.

Selain itu, penggapai juga perlu mengetahui perkara-perkara yang sunat dilakukan ketika memandikan mayat supaya dia dapat melaksanakan tugas-tugas memandikan mayat dengan lebih sempurna dan memenuhi tuntutan-tuntutan sunatnya.

(ii) Wajib merahsiakan perkara-perkara buruk yang terdapat pada tubuh mayat seperti mayat menjadi hitam, berbau busuk atau berubah bentuk.

Perkara ini berdasarkan hadits daripada Ibn 'Umar *Radhiallahu 'anhuma*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

Maksudnya : *Dan sesiapa yang menutup (keburukan) seorang muslim, Allah akan menutupnya (keburukannya) pada hari Kiamat.*

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Menceritakan perkara-perkara buruk yang berlaku pada tubuh mayat kepada orang lain hukumnya adalah haram kerana perbuatan tersebut merupakan *ghibah*.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan untuk menyebut perkara-perkara buruk tersebut sebagai pengajaran dan peringatan kepada yang lain, maka yang demikian itu tidak dilarang. Sebagai contoh, jika dilihat perkara-perkara yang buruk pada mayat seorang yang secara terang-terangan melakukan perkara-perkara bid'ah, fasik dan kezaliman, maka tidak dilarang bahkan sunat menceritakan perkara buruk tersebut kepada orang lain sebagai pengajaran dan peringatan supaya orang lain tidak mengikut jejak langkah mereka. Bahkan hukumnya menjadi wajib jika ditakuti orang lain akan mengikut perbuatannya sekiranya perkara buruk yang berlaku pada mayatnya itu tidak diceritakan kepada yang lain.

(iii) Menceritakan perkara-perkara baik yang terdapat pada tubuh mayat seperti wajahnya bercahaya atau baunya harum.

Jika orang yang memandikan mayat melihat perkara-perkara baik pada tubuh si mati, sunat menceritakannya kepada yang lain supaya menarik lebih ramai orang untuk menyembahyangkan mayatnya dan mendoakannya.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan untuk menyembunyikan perkara-perkara baik tersebut dari pengetahuan orang lain, maka yang demikian itu tidak dilarang. Sebagai contoh, jika dilihat tanda-tanda yang baik pada tubuh mayat seorang yang secara terang-terangan melakukan perkara-perkara bid'ah, fasik dan kezaliman, maka hendaklah disembunyikan perkara tersebut dari pengetahuan orang lain supaya orang lain tidak terpedaya dengannya. Bahkan menyembunyikannya boleh menjadi wajib sekiranya menceritakan perkara tersebut diyakini akan menjerumuskan orang lain kepada perkara-perkara bid'ah, fasik dan kezaliman itu.


(iv) Memelihara pandangan mata daripada melihat mayat yang sedang mereka mandikan melainkan jika ada keperluan.

Penggapai wajib tidak melihat ke arah aurat mayat yang dimandikan. Selain penggapai, perkara ini juga dituntut ke atas pembantu penggapai serta orang lain yang juga berada di tempat mayat dimandikan.

Manakala bahagian anggota selain aurat mayat pula, seperti muka dan tangan mayat, menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Majmu', sunat bagi orang yang memandikan mayat serta pembantunya ataupun orang lain yang juga berada di tempat mayat dimandikan itu untuk tidak melihatnya melainkan jika ada keperluan seperti kerana hendak menyempurnakan proses memandikannya atau memastikan kebersihan anggota yang dibasuh. Sekiranya bahagian anggota selain aurat mayat itu sengaja dilihat tanpa keperluan, sekalipun dia melihat itu tanpa syahwat, maka perbuatan itu dikira sebagai *khilaf al-awla* bagi orang yang memandikan mayat dan makruh bagi pembantunya serta yang orang lain yang berada di tempat mayat dimandikan itu. Adapun jika diiringi syahwat pula, maka hukumnya adalah haram.

Demikian penjelasan mengenai amanah yang dituntut ke atas penggapai. Penggapai yang amanah akan memastikan segala urusan memandikan mayat dilakukan dengan penuh teliti, tidak meringankan tanggungjawab serta memelihara maruah, rahsia dan aib si mati. Dengan sifat amanah, masyarakat dapat menaruh sepenuh keyakinan bahawa jenazah ahli keluarga mereka akan diuruskan dengan sebaik-baiknya sesuai dengan tuntutan hukum syara'. Sifat amanah ini, selain dituntut ke atas penggapai, ia juga dituntut ke atas pembantu penggapai serta siapa sahaja yang memasuki tempat memandikan mayat.

MENCERITAKAN perkara-perkara buruk yang berlaku pada tubuh mayat kepada orang lain hukumnya adalah haram kerana perbuatan tersebut merupakan *ghibah*. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan untuk menyebut perkara-perkara buruk tersebut sebagai pengajaran dan peringatan kepada yang lain, maka yang demikian itu tidak dilarang. Sebagai contoh, jika dilihat perkara-perkara yang buruk pada mayat seorang yang secara terang-terangan melakukan perkara-perkara bid'ah, fasik dan kezaliman, maka tidak dilarang bahkan sunat menceritakan perkara buruk tersebut kepada orang lain sebagai pengajaran dan peringatan supaya orang lain tidak mengikut jejak langkah mereka. Bahkan hukumnya menjadi wajib jika ditakuti orang lain akan mengikut perbuatannya sekiranya perkara buruk yang berlaku pada mayatnya itu tidak diceritakan kepada yang lain.



منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلولأن ڤوسة دعوه اسلاميه

Budayakan kebersihan dalam kehidupan

KEBERSIHAN merupakan salah satu aspek penting dalam kehidupan manusia. Persekitaran yang bersih bukan sahaja memberikan keselesaan dan ketenangan, malah turut mencerminkan sikap, disiplin dan keperibadian seseorang. Kebersihan merangkumi pelbagai aspek seperti kebersihan diri, rumah, sekolah, tempat kerja, tempat ibadah serta kawasan persekitaran. Apabila kebersihan sentiasa dijaga, kehidupan akan menjadi lebih selesa, sihat dan sejahtera. Oleh itu, amalan menjaga kebersihan perlu dipupuk sejak kecil dan dijadikan sebagai budaya dalam kehidupan seharian.

Islam merupakan agama yang amat menitikberatkan aspek kebersihan dan kesucian. Kebersihan bukan sahaja berkaitan dengan penampilan diri dan persekitaran, tetapi juga mempunyai hubungan yang rapat dengan ibadah serta kehidupan seorang Muslim. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 222 yang terjemahan makna ayatnya :

"Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang yang sentiasa menyucikan diri".

Ayat tersebut menunjukkan betapa pentingnya menjaga kebersihan dan kesucian dalam kehidupan. Bahkan, orang yang sentiasa menyucikan diri termasuk dalam kalangan mereka yang dikasihi oleh Allah Subhanahu Wata'ala . Selain itu, Allah Subhanahu Wata'ala turut berfirman dalam Surah Al Muddatstsir, ayat 4 yang terjemahan makna ayatnya :

"Dan bersihkanlah pakaianmu".

Firman Allah Subhanahu Wata'ala ini mengingatkan kita supaya sentiasa menjaga kebersihan diri dan pakaian. Pakaian yang bersih bukan sahaja memberikan keselesaan kepada diri sendiri, malah menunjukkan rasa hormat terhadap orang di sekeliling kita, khususnya ketika berada di tempat ibadah, tempat kerja, sekolah dan kawasan awam.

Amalan menjaga kebersihan sebenarnya boleh bermula dengan perkara-perkara kecil dalam kehidupan seharian. Antaranya termasuklah membuang sampah ke tempat yang disediakan, mencuci tangan sebelum dan selepas makan, menjaga kebersihan tandas, memastikan rumah sentiasa kemas serta tidak membiarkan sampah atau sisa makanan bertaburan. Walaupun kelihatan mudah, amalan-amalan kecil seperti ini mampu memberikan kesan yang besar sekiranya dilakukan secara konsisten oleh setiap individu.

Kebersihan persekitaran pula merupakan tanggungjawab bersama. Kita tidak seharusnya menganggap bahawa tugas membersihkan kawasan awam hanya terletak pada bahu pekerja kebersihan atau pihak tertentu. Sebaliknya, setiap anggota masyarakat mempunyai peranan dalam memastikan kawasan perumahan, taman rekreasi, sekolah, tempat kerja, tempat ibadah dan kemudahan awam sentiasa berada dalam keadaan bersih dan teratur. Aktiviti seperti gotong-royong, mengasingkan sampah, mengamalkan kitar semula dan mengurangkan penggunaan bahan yang mencemarkan alam merupakan antara usaha yang boleh dilakukan bersama-sama. Dengan menjaga kebersihan, risiko penularan penyakit dapat dikurangkan, sekali gus mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan sihat untuk semua.

Dalam masa yang sama, kebersihan turut mencerminkan imej sesebuah masyarakat dan negara. Kawasan awam yang bersih, kemas dan terpelihara mampu memberikan gambaran bahawa masyarakatnya mempunyai kesedaran, disiplin dan rasa tanggungjawab yang tinggi. Sebaliknya, sikap membuang sampah sesuka hati, merosakkan kemudahan awam atau membiarkan kawasan menjadi kotor bukan sahaja menyusahkan orang lain, malah boleh menjejaskan keindahan serta keharmonian persekitaran.

Oleh itu, sikap mencintai kebersihan hendaklah bermula daripada diri sendiri. Janganlah kita hanya menjaga kebersihan apabila diarahkan atau ketika berada di tempat tertentu sahaja. Sebaliknya, jadikanlah kebersihan sebagai satu kebiasaan walau di mana kita berada. Jika terlihat sampah, buanglah ke tempat yang sepatutnya. Jika menggunakan kemudahan awam, tinggalkanlah dalam keadaan yang baik dan bersih untuk digunakan oleh orang seterusnya. Sikap bertanggungjawab seperti inilah yang mampu membentuk masyarakat yang prihatin dan berdisiplin.

PELITA BRUNEI

PENDIDIKAN INKLUSIF BUKA PELUANG LEBIH LUAS KEPADA PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Isnin, 9 November. - Kreativiti, inovasi dan semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar berkeperluan khas terus diperkasa menerusi penghasilan pelbagai produk kreatif dan inovatif melalui Program Bootcamp Kali Ketiga Peringkat Sekolah Rendah.

Hasil usaha dan kreativiti para pelajar berkenaan diketengahkan pada Majlis Demo Day Program Bootcamp Kali Ketiga bagi Pelajar-pelajar Berkeperluan Khas Peringkat Sekolah Rendah serta Penyampaian Hadiah Pertandingan Memasak Kali Kelima bagi Pelajar-pelajar Pra-Vokasional anjuran Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Khas dengan kerjasama Pusat Keusahawanan Inovasi (EIC), yang berlangsung di Dewan Mahligai, Airport Mall, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Hajah Mustazah binti Awang Maidin selaku Pengerusi Bersama Majlis.

Acara diteruskan dengan tayangan video khas Projek Bootcamp dan Pertandingan Memasak, diikuti ucapan daripada tetamu kehormat.

Dalam ucapannya, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan berkata, Program Bootcamp membuka ruang kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas untuk meneroka dunia keusahawanan sejak di bangku sekolah lagi, sekali gus membentuk individu yang berdikari, berkeyakinan dan berdaya tahan.

Tambah Yang Mulia, melalui pengalaman menghasilkan produk, memasarkan idea dan berinteraksi dengan orang ramai, para pelajar bukan sahaja memperoleh kemahiran praktikal, malah turut mempelajari nilai keberanian untuk mencuba, ketabahan apabila berdepan kegagalan dan keyakinan untuk memperkenalkan hasil usaha sendiri.

"Pertandingan Memasak Program Pra-Vokasional pula, yang bertemakan 'Zero Waste Cooking – Sustainable Kitchen', bukan sahaja mengasah kemahiran kulinari, kreativiti dan disiplin kerja, malah menanamkan kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar serta sikap menghargai sumber yang ada.

"Apa yang lebih membanggakan, kedua-dua program ini telah melibatkan penyertaan sekolah-sekolah dari seluruh negara. Ini membuktikan bahawa pendidikan inklusif bukan lagi usaha segelintir pihak, tetapi telah menjadi komitmen bersama warga pendidikan di negara ini.

"Saya percaya pengalaman pembelajaran yang autentik seperti ini akan meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri para pelajar, dan membuka laluan kepada peluang yang lebih luas pada masa hadapan, termasuk ke arah latihan vokasional dan pekerjaan yang bermakna", ujar Yang Mulia Pemangku Menteri Pendidikan lagi.

Majlis seterusnya menyaksikan pembentangan rumusan perjalanan Program Bootcamp oleh Ketua Juri, manakala rumusan keseluruhan Pertandingan Memasak disampaikan oleh wakil juri pertandingan berkenaan.

Tetamu kehormat kemudian menyempurnakan penyampaian hadiah dan cenderahati kepada para pemenang. Bagi Program Bootcamp, Anugerah Most Sustainable dimenangi oleh Sekolah Rendah Sultan Hassan, Bangar menerusi produk 'Ecogrow'.

Anugerah Most Creative pula diraih oleh Sekolah Rendah Dato Marsal menerusi produk 'CAKNA Buddies - Blindbox', manakala Anugerah Most Functional dimenangi oleh Sekolah Rendah Rimba II menerusi produk 'Handy Gems: Neuro Spark Kits'.

Sementara itu, Anugerah Most Persevering disandang oleh Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49 menerusi produk 'Soap-Ku', manakala Anugerah Most Innovative dimenangi oleh Sekolah Rendah Sungai Tali, Lumut menerusi produk 'Mini Magnetos 2.0'.



YANG Mulia Pemangku Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Demo Day Program Bootcamp Kali Ketiga bagi Pelajar-pelajar Berkeperluan Khas Peringkat Sekolah Rendah serta Penyampaian Hadiah Pertandingan Memasak Kali Kelima bagi Pelajar-pelajar Pra-Vokasional.

Program Bootcamp pada tahun ini melibatkan penyertaan 19 buah sekolah rendah yang melaksanakan Program Pendidikan Khas di seluruh negara. Setiap sekolah diwakili oleh tiga orang pelajar dan dua orang guru pendidikan khas, menjadikan jumlah keseluruhan penyertaan seramai 57 pelajar dan 40 guru.

Program Bootcamp mula diperkenalkan pada tahun 2021 khusus bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas yang mengikuti Program Pra-Vokasional di peringkat Menengah. Program tersebut kemudiannya diperluas dengan penglibatan sekolah-sekolah peringkat rendah.

Pelaksanaan pada tahun ini merupakan edisi ketiga bagi peringkat sekolah rendah yang memberikan pendedahan awal kepada bidang keusahawanan dan inovasi.

Antara objektif utama program adalah untuk memperkembangkan bakat dan potensi pelajar dalam bidang kulinari, kraf tangan, jahitan serta kemahiran lain yang menjurus kepada keusahawanan.

Sementara itu, bagi Pertandingan Memasak, tempat pertama disandang oleh Sekolah Menengah Masin diikuti oleh Sekolah Menengah Perdana Wazir di tempat kedua dan Sekolah Menengah Sayyidina 'Othman di tempat ketiga.

Sebanyak lapan buah sekolah menengah telah mara ke peringkat akhir Pertandingan Memasak Pelajar Program Pra-Vokasional Kali Kelima yang bertemakan 'Zero Waste Cooking – Sustainable Kitchen'.

Pertandingan ini menjadi wadah kepada para pelajar untuk mempamerkan dan mengaplikasikan kemahiran kulinari serta kreativiti mereka. Selain itu, pertandingan ini turut menekankan kepentingan kebersihan dan keselamatan dapur, di samping memupuk kesedaran tentang kelestarian dan usaha mengurangkan pembaziran makanan.

Majlis diakhiri dengan aktiviti Demo Day dengan menyaksikan pameran serta produk yang dihasilkan melalui Projek Bootcamp. Para pelajar telah mempamerkan produk dan perkhidmatan yang diusahakan dengan bimbingan guru-guru masing-masing.

Pengalaman ini memberikan peluang kepada para pelajar untuk mengaplikasikan kemahiran yang telah dipelajari dalam suasana praktikal di samping membina keyakinan diri ketika berinteraksi dengan orang ramai.

Majlis diakhiri dengan aktiviti Demo Day dengan menyaksikan pameran serta produk yang dihasilkan melalui Projek Bootcamp. Para pelajar telah mempamerkan produk dan perkhidmatan yang diusahakan dengan bimbingan guru-guru masing-masing.

Pengalaman ini memberikan peluang kepada para pelajar untuk mengaplikasikan kemahiran yang telah dipelajari dalam suasana praktikal di samping membina keyakinan diri ketika berinteraksi dengan orang ramai.

Selaras dengan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2023–2027, inisiatif ini turut mendukung objektif strategik 'Nurture Future-Ready Learners', melalui penyediaan peluang pendidikan yang saksama dan pengalaman pembelajaran yang membangunkan potensi pelajar-pelajar berkeperluan khas.



PPDB akan adakan Majlis Tamat Latihan Kursus Asas

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 November. - Pasukan Polis Diraja Brunei akan mengadakan Majlis Tamat Latihan Kursus Asas Pengambilan Anggota Baharu Polis Kawalan Diraja Fasa 01 / 2026 pada 11 November 2026 bermula pukul 2.00 petang hingga selesai di Polis Kawalan Diraja PRG02, Simpang 207.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihati supaya tidak berasa cemas dan tidak menghampiri tempat latihan berkenaan yang mana akan menggunakan bahan letupan bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku di sepanjang latihan berkenaan dijalankan.

UNISSA PUPUK SEMANGAT MAHABBAH, KESUKARELAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) telah mengadakan Majlis Perasmian Program Ziarah Mahabbah (PZM) Ke-12 di Auditorium, UNISSA.

Turut dianjurkan bersama Bazaar Souq Mahabbah Wal Ihsan yang diadakan di Gymnasium, UNISSA.

PZM Ke-12 berkenaan membawa tema 'Mengutamakan Kepedulian, Mewujudkan Impian'. Ia merupakan salah satu inisiatif kemasyarakatan yang dikendalikan oleh mahasiswa dan mahasiswi Tahun 1 dan Tahun 3 FEKIm.

Program berkenaan bertujuan untuk memupuk semangat mahabbah, toleransi dan kesukarelawanan dalam kalangan pelajar UNISSA melalui penglibatan secara langsung dalam aktiviti kebajikan dan khidmat masyarakat. Di samping itu, ia bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara UNISSA dengan masyarakat luar bandar yang memerlukan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan perasmian program, Rektor UNISSA, Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Turut hadir, penolong-penolong rektor, pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Bersama PZM Ke-12, Awang Ahmad Aiman Az-zahir bin Shahrul Azlan.

Awang Ahmad Aiman Az-zahir dalam ucapannya antara lain menekankan bahawa aktiviti keusahawanan bukan sahaja berperanan dalam menjana pendapatan, malah dapat dijadikan sebagai wadah untuk melaksanakan tanggungjawab sosial melalui pengumpulan dana bagi menyokong inisiatif kebajikan dan khidmat masyarakat.





REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Program Ziarah Mahabbah (PZM) Ke-12 (atas), manakala gambar bawah kiri, Forum Khas bertajuk 'Khidmat Masyarakat Kewajiban Bersama'.

Jelasnya lagi, pendekatan berkenaan turut diterapkan melalui penganjuran Souq Mahabbah Wal-Ihsan, yang menggabungkan aktiviti keusahawanan dengan usaha membantu golongan yang memerlukan.

Majlis diteruskan dengan perasmian PZM Ke-12 yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis perasmian turut diserikan dengan Forum Khas bertajuk 'Khidmat Masyarakat Kewajiban Bersama'.

Ahli panel forum terdiri daripada Penolong Profesor dan Timbalan Pengarah, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman; dan Pengerusi PZM Ke-10, Awang Ameer bin Mahmud Kashfi. Sementara Moderator forum pula ialah Awang Ahmad Rifa'ie bin Mohamad Fauziee, mahasiswa Tahun 1.

Forum berkenaan mengetengahkan kepentingan khidmat masyarakat sebagai tanggungjawab bersama. Perbincangan turut memberi tumpuan kepada peranan teknologi dan pendekatan inovatif dalam menarik minat generasi muda dalam aktiviti khidmat masyarakat.

Bersempena dengan program berkenaan, Bazaar Souq Mahabbah Wal Ihsan turut dianjurkan dan dibukakan kepada orang ramai selama empat hari, bermula Isnin hingga Khamis. Bazar berkenaan menampilkan pelbagai jualan makanan dan minuman yang turut melibatkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di samping aktiviti permainan serta pameran haiwan eksotik sebagai tarikan utama kepada para pengunjung.

Hasil kutipan daripada penganjuran bazar berkenaan akan disalurkan bagi menyokong pelaksanaan PZM Ke-12 yang dijadualkan berlangsung pada Januari 2027.

Penganjuran PZM Ke-12 dan Bazaar Souq Mahabbah Wal-Ihsan mencerminkan komitmen UNISSA dalam memperkukuh hubungan universiti dengan masyarakat melalui pelaksanaan aktiviti kebajikan dan keusahawanan dalam memupuk semangat kerjasama dan tanggungjawab sosial.

Pertubuhan WARGAMAS Brunei anjur Doa Kesyukuran

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman



MAJLIS berlangsung di Serikandi Banquet Hall, Tungku Link, Gadong tersebut dihadiri oleh Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Haji Muhammad Melayong selaku Penasihat Pertubuhan WARGAMAS Brunei.

TUNGKU LINK, Isnin, 9 November. - Pertubuhan WARGAMAS Brunei telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam (MKAQ80) dan Riadahmas sempena Hari Aktiviti Warga Emas (HAWE) 2026 sebagai tanda kesyukuran atas kejayaan melaksanakan dua program utama pertubuhan berkenaan sepanjang tahun ini.

Majlis berlangsung di Serikandi Banquet Hall, Tungku Link, Gadong dan dihadiri oleh tetamu kehormat bersama iaitu Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Haji Muhammad Melayong selaku Penasihat Pertubuhan WARGAMAS Brunei dan Penolong Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Awang Haji Abdullah bin Ahad.

Dalam ucapan alu-aluan oleh Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS Brunei, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don merakamkan kesyukuran kerana kedua-dua program berkenaan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

MKAQ80 telah diadakan pada 27 September 2026 di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Jerudong dengan kerjasama YSHHB. Majlis berkenaan mencatatkan kehadiran peserta yang menjangkau 1,000 orang, dengan peningkatan penyertaan peserta lelaki berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Sementara itu, Riadahmas telah diadakan pada 11 Oktober 2026 di tempat letak kereta VIP, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Menurut Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS Brunei, kerjasama dengan agensi kerajaan dan rakan strategik amat penting dalam menyokong usaha ke arah penuaan berjaya, selaras dengan Pelan Tindakan Warga Emas 2025–2030 yang dilancarkan oleh KKBS.

Beliau turut menyentuh mengenai perkembangan demografi negara yang menunjukkan peningkatan jumlah warga emas. Berdasarkan data yang dikongsikan dalam ucapannya, seramai 53,100 orang warga emas direkodkan pada tahun 2025, iaitu 11.6 peratus daripada keseluruhan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, beliau menegaskan bahawa warga emas merupakan aset negara yang bernilai kerana memiliki pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang terkumpul sepanjang kehidupan mereka. Sumbangan golongan berkenaan bukan sahaja penting dalam kehidupan bermasyarakat, malah turut menyumbang kepada pembangunan negara.

Sejak pergerakan Pertubuhan WARGAMAS Brunei bermula pada tahun 2019, pelbagai projek, program dan aktiviti telah dilaksanakan yang merangkumi bidang keagamaan, kebajikan, sosial, ekonomi, lawatan, pertukaran pengalaman dan ilmu, riadah serta kesenian.

Pertubuhan berkenaan juga terus berusaha menjalinkan kerjasama strategik dengan kementerian, jabatan, institusi, pihak swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi melaksanakan program yang memberi manfaat kepada ahli-ahlinya.

Antara perancangan jangka panjang yang dikongsikan ialah cadangan untuk mewujudkan 'Wisma WARGAMAS', yang bukan sekadar sebuah bangunan, tetapi dihasratkan menjadi pusat pemedulian warga emas dengan pendekatan 'One Stop Emas'.

Inisiatif yang masih dalam peringkat perancangan itu dihasratkan dapat menyediakan sokongan dalam aspek kesihatan, kebajikan, keagamaan, pendidikan dan kehidupan seharian, bagi membantu warga emas menjalani kehidupan yang lebih harmoni, gembira dan sejahtera.

Dalam majlis tersebut, turut diadakan penyampaian sijil penghargaan dan cenderamata kepada rakan strategik, para penaja, dermawan, fasilitator Riadahmas serta para dermawan dan pihak yang telah memberikan sumbangan dalam menjayakan program berkenaan.

Penghargaan juga diberikan kepada para peserta Riadahmas daripada Pertubuhan WARGAMAS Brunei yang berjaya menjadi juara dalam acara Telematch Riadahmas 2026.

Majlis turut diisikan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, persembahan keagamaan yang merangkumi persembahan selawat daripada Wargawira dan persembahan tausyeh daripada Warganita serta persembahan silat perseorangan dan berkumpulan. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan kesyukuran.

Pertubuhan WARGAMAS Brunei akan terus mendukung hasrat kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama menjayakan Wawasan Brunei 2035, khususnya melalui usaha memperkasa kesejahteraan dan kualiti kehidupan warga emas di negara ini.

PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(15) NDMC / TSH / 2026 - 2027
Perkhidmatan Jamuan Untuk Petugas Yang Berkhidmat Dalam Pengurusan Bencana Koordinasi Di Daerah-Daerah Dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) [Makanan Dan Minuman – Secara Tapau dan Berhidang] Bagi Tempoh Dua (02) Tahun

Tarikh Tutup:
Rabu, 18 November 2026

BIRO MENCEGAH RASUAH

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
BMR / SH / 14 / 2026 / 2027
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Pemasangan Dan Penyelenggaraan Sistem Perlindungan Kebakaran Menyeluruh (Pengesanan Kebakaran Dan Penggera Kebakaran) Di Bangunan Biro Mencegah Rasuah Cawangan Kuala Belait

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
BMR / SH / 15 / 2026 / 2027
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Mengganti Jubin Pecah Di Kawasan Lobi Bangunan Block B, Biro Mencegah Rasuah

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
BMR / SH / 16 / 2026 / 2027
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membaik Pulih Kerosakan Bagi Sebuah (1) Rumah Kelas 'C', No. 6, Simpang 336-52-30, Taman Muyassarah, Jalan Kebangsaan Lama

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU / MED / TA / 6023
Pembelian Vaksin-Vaksin Bagi Khidmat Perubatan Dan Kesihatan, Tentera Darat Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 24 November 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 1 Disember 2026.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Unit Teknologi Maklumat, Divisyen Pengurusan Korporat Dan Sumber Manusia Kementerian Pembangunan

Bil. Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q11
Invitation To Renew Krystal Document Management System License-Technical Support For 1 Year, Ministry Of Development

Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen Sebut Harga:
BND9.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Buka:
Rabu, 28 Oktober 2026

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:
Khamis, 12 November 2026

Tarikh Tutup:
Isnin, 16 November 2026
Jam Sebelum 9.00 pagi

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pemotongan Pokok Dan Pembersihan Kawasan

1. DA / JKSH / 146 / 2026 / 2027 [UPPK-NOV-2026]
Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pemotongan Pokok Dan Pembersihan Kawasan, Di Kawasan Perumahan Kerajaan Kampus IBTE Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam.

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 28 November 2026
(Jam 9.00 Pagi)

KEMENTERIAN KESIHATAN

1. Bilangan Tawaran:
KK / 257 / 2026 / HTD (TC)

Keterangan:
The Provision Of Leasing New A4 Monochrome Laser Printer Inclusive Of Toners With Comprehensive Maintenance And On-Site Support Services For Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

2. Bilangan Tawaran:
KK / 258 / 2026 / HTD

Keterangan:
One-Off Comprehensive Maintenance Services Inclusive Of Spareparts And Accessories For A Period Of Six (6) Months For DWA Water Treatment Plant In Kuala Belait Dialysis Centre

Yuran Tawaran:
BND10.00

3. Bilangan Tawaran:
KK / 259 / 2026 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Dynamic - Frequency Dental Scaler Handpiece For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

4. Bilangan Tawaran:
KK / 261 / 2026 / JPKAS (TC)

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Iklan Tarikh Lanjutan

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01, KPB04, E03, B01, & M03 Sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 019 / 2026

Nama Projek:
Pemulihan Loji Rawatan Air Tasek Serta Pelapisan Semula Dan Pemasangan Paip

Yuran Tawaran:
BND2,000.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

Kelas:
(V, VI Sahaja)

Kategori:
[KA01, KPB04, & ME03 Sahaja]

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 020 / 2026

Nama Projek:
Menaiktaraf Loji Rawatan Air Batang Duri, Daerah Temburong @ Design And Build For Construction Of New 20 MLD Batang Duri Water Treatment Plant, Barrage And Refurbishment Of Existing Batang Duri Water Treatment Plant

Yuran Tawaran:
BND2,000.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Selasa,
20 Oktober 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
15 Disember 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical Consumable (Sterile Water Sampling Bottle With Sodium Thiosulphate) For Environmental Health Division, Department Of Environmental Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Tawaran:
24 November 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JPi / 04 / 2026
Design & Build For New Proposed Seawater Intake System For Keramut Shrimp Farm, At Lot 22563, Telisai, Mukim Telisai, Tutong District, Department Of Fisheries

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
12 Januari 2027,
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
TCP / 21 / 2026 / 2027
"The Demolition, Removal & Dismantling Of Buildings And Structures For Department Of Town And Country Planning, Ministry Of Development, Negara Brunei Darussalam"

Yuran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Sabtu,
28 November 2026,
sebelum jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KESIHATAN

1. Bilangan Tawaran:
KK / 252 / 2026 / ESTETMOH (TC)

Keterangan:
The Provision Of Cleaning Services For The Ministry Of Health Complex, Jalan Menteri Besar For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

2. Bilangan Tawaran:
KK / 253 / 2026 / UPP

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Colposcopy System For Obstetric & Gynecology, Women And Children Centre Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Yuran Tawaran:
BND10.00

3. Bilangan Tawaran:
KK / 254 / 2026 / SSBH

Keterangan:
To Supply And Install Public Address (PA) System At Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait

Yuran Tawaran:
BND 50.00

4. Bilangan Tawaran:
KK / 255 / 2026 / LAB

Keterangan:
The Provision Of Outsourcing Laboratory Tests For National Haematology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Months Usage

Yuran Tawaran:
BND 30.00

5. Bilangan Tawaran:
KK / 256 / 2026 / LAB (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Blood Gas Tests Reagents And Consumables With Equipment Rental Blood Gas Testing Program For Point Of Care Testing Section, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND500.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak lewat 17 November 2026, Jam 2.00 petang

PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

Bilangan Tawaran:
HMSF / TDR / 03 / 2026

Tajuk Tawaran:
For Service Level Maintenance Contract And Related Works (Package B) For His Majesty The Sultan's Flight Hangar 1 & Hangar 2 Mechanical & Electrical System

Tarikh Tutup:
Selasa, 15 Disember 2026

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

MOE / LTK / 68 / 2026 / 2027 (JPPE-NOV-2026)
5 Years Fully Comprehensive Maintenance Term Contract For Mitsubishi Lifts Brunei Muara District, Ministry Of Education, Negara Brunei Darussalam.

Kelas: Tidak Terhad (Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam)

Kategori:
KPME 02

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND30.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
21 November 2026 (Sabtu)

Tarikh Tutup Dan Waktu:
24 November 2026 - Selasa [Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Rujukan Iklan:
JAPEM / UPE-TUTONGRENO / RB26

Tajuk Iklan:
Renovation Works JAPEM Cawangan Tutong Office Jabatan Pembangunan Masyarakat

Tarikh Tutup:
Khamis, 12 November 2026

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga:
28 / DBP / SH / 2026 - 2027

Nama Dokumen Sebut Harga:
Mencetak Buku Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
12 November 2026

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
27 / DBP / SH / 2026-2027
Kerja-Kerja Mengecat Bangunan Dan Membaiki Atap / Fascia Perpustakaan Dewan Bahasa Dan Pustaka Cawangan Seria

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
19 November 2026
Jam 2.00 Petang

كنترين ڤمباڠونن
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN BRUNEI DARUSSALAM

NOTIS REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

TO DESIGN, BUILD, FINANCE, OPERATE AND MAINTAIN THE DEVELOPMENT AND LAND AT JALAN PEMANCHA, BANDAR SERI BEGAWAN

RUJ: KPN/DIL/RFP (05/2026)

BAYARAN YURAN TAWARAN/PEMBELIAN DOKUMEN RFP SECARA ONLINE : BND$5,000 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

HARI PERKONGSIAN MAKLUMAT

Tarikh:
28hb Okt 2026 (Rabu)

Jam:
2.30 - 3.30 petang

Lokasi:
Bilik Mesyuarat Jong Sarat, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas

TARIKH

Tarikh Buka:
3hb Okt 2026 (Sabtu)

Tarikh Tutup:
5hb Jan 2027 (Selasa)

Jam Tutup:
2.00 petang

Pihak yang berminat untuk membuat pembelian dokumen RFP adalah dikehendaki terlebih dahulu untuk menghantar emel kepada alamat emel:

hasil.kewangan@mod.gov.bn

1. (a) Pelabur tempatan: Copy of Certificate of Business Registration (Section 16 and Section 17) Form X; atau
   (b) Pelabur luar Negara: Copy of Certificate of Business Registration in respective country
2. Alamat penuh syarikat terkini
3. Alamat emel syarikat yang aktif
4. Nombor telefon yang aktif

BUTIRAN PENYERAHAN

Dokumen RFP yang lengkap hendaklah dimasukkan ke

PETI KOTAK TAWARAN, LEMBAGA TAWARAN KECIL, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN, TINGKAT BAWAH, JALAN PEMBANGUNAN, BERAKAS, BANDAR SERI BEGAWAN, BS3510

disimpan dalam sampul surat tertutup dengan tajuk:

REQUEST FOR PROPOSAL TO DESIGN, BUILD, FINANCE, OPERATE AND MAINTAIN THE DEVELOPMENT AND LAND AT JALAN PEMANCHA, BANDAR SERI BEGAWAN RUJ: KPN/DIL/RFP (05/2026)

Pelabur luar negara dibenarkan untuk menghadapkan RFP dokumen yang lengkap secara elektronik dalam format fail ZIP termampat (zipped file) ke alamat emel

ltk.mod@mod.gov.bn.

KONSEP KEMAJUAN

Petak Tanah ini sesuai untuk kemajuan bercampur (mixed development) tetapi **tidak terhad kepada:**

1. Kedai Runcit yang menjual barangan tempatan budayaan dan rekreasi; barangan dan barangan lain di kedai khusus;
2. Plaza, Gaya Hidup dan Perkhidmatan Peribadi (seperti salun, klinik dan perpustakaan);
3. Perkhidmatan makan dan minum, kafe termasuk kemudahan pandu lalu;
4. Aktiviti Pejabat dan Ekonomi (seperti ruang pejabat, hab dan inkubator PKS, ruang kerja bersama, aktiviti hartanah dan aktiviti kewangan dan insurans);
5. Ruang Sivik dan Awam (Dataran Sivik dan Komuniti serta ruang Acara);
6. Pusat kebudayaan (aktiviti seni, hiburan, rekreasi dan teater, serta perpustakaan dan muzium)

LOKASI TAPAK



Maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, sila hubungi Urusetia Jawatankuasa Pemantauan Program GLL melalui alamat email: ***eoi.dil@mod.gov.bn***

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & III

Kategori:
KA01
(Kod Baharu)

Tarikh Tutup:
Selasa,
1 Disember 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 36 / BKTKS / 2026-T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Tanah Susur Di Kawasan Bangunan Pusat Dialisis Rimba, Simpang 256-23, Jalan Kampung Rimba

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelas:
IV & V

Kategori:
KA01
(Kod Baharu)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 37 / BKTKS / 2026-T / IV

Nama Projek:
Kontrak Penggal Selama 24 Bulan Bagi Kerja-Kerja Cerun Bagi Tahun 2027 - 2029

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelas:
II & III

Kategori:
KA01
(Kod Baharu)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 38 / BKTKS / 2026-T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Kerosakan Pagar Keliling Di Beberapa Tempat Di Istana Darul Hana

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
III atau IV sahaja

Kategori:
KA01 dan M03 sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 029 / 2026

Nama Projek:
Kontrek Penggal Bagi Kerja-Kerja Pemeliharaan Stesyen Pengepam Air Utama Daerah Brunei Muara, Tutong Dan Temburong

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND50.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
1 Disember 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
IV sahaja

Kategori:
B01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM025 / 2026

Bil. Projek:
2026DBSBM / JUB.02

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Di Masjid Jefri Bolkiah, Kampung Batong

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 1 Disember 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Unit Teknologi Maklumat, Divisyen Pengurusan Korporat Dan Sumber Manusia Kementerian Pembangunan

1. Bil. Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q19
Invitation To Supply And Delivery Of Tablet Computer And Accessories For Ministry Of Development

2. Bil. Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q20
Invitation To Supply, Subscribe, Configure And Test Gemini Notebook Enterprise Licensing For 1 Year, Ministry Of Development

Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen Sebut Harga:
BND9.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Sabtu, 31 Oktober 2026

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:
Khamis, 12 November 2026

Tarikh Tutup:
Isnin, 16 November 2026
Sebelum 9.00 pagi

JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

1. Bilangan Tawaran:
(114) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Repair and Replace Flood Light Parts and Components (Maintenance Works) to Pedestrian Mall of Multi-Purpose Hall, Hassanal Bolkiah National Sports Complex

2. Bilangan Tawaran:
(149) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
General Building Term Maintenance for a Period of Thirty-Six (36) Months for:
1. Temburong Sport Complex
2. Swimming Pool Temburong
3. Youth and Sports Office, Temburong
4. Pusat Belia Bangar, Temburong

3. Bilangan Tawaran:
(150) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Mechanical and Electrical Term Maintenance for a Period of Thirty-Six (36) Months for:
1. Temburong Sport Complex
2. Swimming Pool Temburong
3. Youth and Sports Office, Temburong
4. Pusat Belia Bangar, Temburong

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
19 November 2026

JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga:
34 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Adhoc Work For Air-Conditioning System Term Contract Maintenance For Period Of Thirty-Six (36) Months At All Building Under Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup:
Khamis, 26 November 2026

Bilangan Sebut Harga:
31 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027)

Tajuk Sebut Harga:
General Building Term Maintenance For A Period Of Thirty-Six (36) Months For Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan & Arkib Negara Brunei Darussalam Jalan Dewan Majlis, Daerah Brunei-Muara

Tarikh Tutup:
Khamis, 26 November 2026

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / KOP / 066/ 2026

Tajuk Tawaran:
Supply And Delivery Of 1KV Non-Extensible Smart Ring Main Unit

Tarikh Tutup:
Selasa, 24 November 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND1,000.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri
Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri
Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Pembekal Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Dalam Kategori P05 Dan Berdaftar Di Bawah 'Akta Syarikat-Syarikat Penggal 39' Serta Memiliki 'Perakuan Penubuhan Syarikat Persendirian' Yang Sah Sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperoleh di Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / AMS / 068 / 2026

Tajuk Tawaran :
Cleaning Services At Department Of Electrical Services Tutong (New & Old Building) For A Period Of Sixty (60) Months

Tarikh Ditutup:
24 November 2026 (Selasa)
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
20 / BBS / SH / BKA / 2026 - 2027

Keterangan Projek:
Kerja-Kerja Membekal, Membuka Dan Mengganti Baharu Pendingin Hawa Di Bangunan Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria, Jalan McKerron Kuala Belait Dan Rumah Persinggahan Kerajaan, Jalan Maulana Kuala Belait

Kategori:
B01 / M01 / E01

Kelas:
I / II

Bilangan Tawaran:
21 / BBS / SH / BKA / 2026 - 2027

Keterangan Projek:
Kerja-Kerja Mengganti Baharu Karpet Lantai Yang Rosak Serta Pemasangan Tabir Baharu Dan Pelekat Pada Cermin Jendela, Bangunan Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria, Di Jalan McKerron, Kuala Belait

Kategori:
P01

Kelas:
I / II

Bilangan Tawaran:
22 / BBS / SH / BKA / 2026 - 2027

Keterangan Projek:
Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Pada Bangunan Bengkel Kuala Belait, Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria, Jalan Lorong Setia Di-Raja Kuala Belait

Kategori:
B01 / E01

Kelas:
I / II

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa, 1 Disember 2026

JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0059 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Supply, Delivery And Install Vhf Radio System For Fisheries Boat, Department Of Fisheries

Tarikh Tutup:
Khamis,
3 Disember 2026

JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
(131) INFO / PK / K / 7 (2026-2027)
Mencetak Buku Haluan 2025

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis,
19 November 2026,
Jam 8.00 Pagi

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut arga dan dialamatkan kepada Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan,Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 2.00 petang pada Khamis, 10 Disember 2026.

Borang Sebut Harga:
BND7.00

1. JPt / SH / 96 / 2026 - 2027
Melaksanakan Penyelenggaraan Water Purification System Bagi Makmal Veterinar

2. JPt / SH / 97 / 2026 - 2027
To Perform Services Preventive Maintenance For Microscope And Absorbance Microplate Reader & Washer In Veterinary Laboratory

Services

3. JPt / SH / 98 / 2026 - 2027
Term Contract For Air-Conditioning System Maintenance And Other Required Works At Zone 'D' (Belait And Tutong District) Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan For A Period Of Two (2) Years

4. JPt / SH / 99 / 2026 - 2027
Provision Of Laboratory-Based Molecular Identification And DNA/RNA Sequencing Services For Plant Pathogenic Microorganisms

5. JPt / SH / 100 / 2026 - 2027
Membekal dan Menghantar Kit Pemantauan Kebersihan Bagi Makmal Mikrobiologi

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 11 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Iklan Tarikh Lanjutan

Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(VI Sahaja)

Kategori:
[KA01,Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
27 Oktober 2026 (Selasa)

Tarikh Tutup:
22 Disember 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 021 / 2026

Nama Projek:
Penambahbaikan Rangkaian Sistem Pembahagian Air Bagi Kawasan Bandar Seri Begawan, Mukim Gadong B dan Kawasan Lambak Kanan, Daerah Brunei dan Muara

Yuran Tawaran:
BND1,000.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

JABATAN PERBENDAHARAAN KEMENTERIAN KEWANGAN

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPKK / JKSH2627-QTN.08 / FSS
Kerja-Kerja Pembaikan Ruang Kargo, Mengecat dan Pemasangan Sticker Logo bagi Pick Up Jabatan Perbendaharaan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPKK / JKSH2627-QTN.09 / FSS
The Supply And Delivery Of Four Hundred (400) Pieces Of Negara Brunei Darussalam's Flag 4' X 8' Woolen Bunting Sewn With State Colour And State Crest In Red Colour On Both Sides For The Treasury Department, Ministry Of Finance

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPKK / JKSH2627-QTN.10 / FSS
The Supply And Delivery Of One Thousand Five Hundred (1,500) Pieces Of Negara Brunei Darussalam's Flag 3' X 6' Woolen Bunting Sewn With State Colour And State Crest In Red Colour On Both Side For The Treasury Department, Ministry Of Finance

Tarikh Tutup / Jam:
Sabtu,
14 November 2026
Jam 9.00 Pagi

KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Syarat- Syarat Dan Peraturan Dalam Menyertai Sebut Harga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / PE / 01-09 / 2026-2027
Design And Build Renovation Works For Ra'es And Registrar Office At Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / PE / 01-10 / 2026-2027
Design And Build Renovation Works For Classrooms At Block A, B, C Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
25 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Makluman Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
11 / ASSET.MFA / 2026
Supply, Delivery And Installation Of Floor Finishes And Window Blinds

MEMPERKASA KERJASAMA STRATEGIK DALAM BIDANG PENDIDIKAN ISLAM



SESI perbincangan secara maya antara Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama Jabatan Pembangunan Kurikulum Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan, Kesultanan Oman (atas dan atas kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 November. - Hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan Kesultanan Oman dalam bidang pendidikan dan kebudayaan terus diperkukuh melalui pelbagai inisiatif kerjasama, antaranya Lawatan Rasmi, Kursus Pemantapan Komunikasi Bahasa Arab bagi tenaga pengajar dan pelajar, Bengkel Latihan Pengajaran Bahasa Arab dan pendidikan Islam, Program Pertukaran Budaya dalam kalangan pelajar serta sumbangan buku teks bahasa Arab.

Sejajar dengan usaha tersebut, kerjasama dalam bidang pendidikan terus diperkukuh menerusi satu sesi perbincangan secara maya antara Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bersama Jabatan Pembangunan Kurikulum Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan, Kesultanan Oman diadakan pada petang tadi, bagi membincangkan dasar, falsafah dan pendekatan yang diterapkan dalam pembangunan kurikulum Pendidikan Islam, di samping berkongsi amalan terbaik serta pengalaman dalam bidang pendidikan di kedua-dua buah negara.

Sesi perbincangan dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil, diikuti ucapan daripada Pengarah Pembangunan Kurikulum Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan, Kesultanan Oman, Dr. Hamad bin Salem Al-Rajhi.

Turut hadir, pegawai-pegawai kanan dan pegawai dari JPI, KHEU serta Jabatan Pembangunan Kurikulum Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan, Kesultanan Oman.

Antara perkara utama yang dibincangkan termasuklah penerapan falsafah Melayu Islam Beraja dalam pembinaan dan perkembangan kurikulum di NBD, falsafah pendidikan Islam yang diguna pakai, standard dan proses pembangunan kurikulum yang dilaksanakan, serta pengalaman pelaksanaan sistem persekolahan integrasi yang menggabungkan pendidikan akademik dan agama.

Sesi perbincangan turut menyediakan ruang bagi kedua-dua belah pihak untuk bertukar-tukar pandangan dan mengemukakan pertanyaan berkaitan perkara yang dibincangkan. Perbincangan tersebut diharap dapat memperkukuh hubungan kerjasama antara NBD dengan Kesultanan Oman, di samping membuka peluang kepada penerokaan inisiatif dan kerjasama strategik yang lebih luas dalam bidang pendidikan Islam pada masa akan datang.



Transformasi makna komunikasi dalam era teknologi

PADA era globalisasi ini, perkembangan teknologi telah membawa perubahan besar terhadap cara manusia berkomunikasi. Komunikasi merupakan proses penyampaian maklumat, idea dan perasaan antara individu. Dahulu, manusia berkomunikasi melalui surat atau pertemuan secara bersemuka. Namun, kemunculan internet, telefon pintar dan media sosial telah mengubah makna komunikasi dalam kehidupan seharian.

Antara perubahan yang dapat dilihat ialah komunikasi menjadi lebih mudah dan cepat. Contohnya, kita boleh menghantar mesej melalui WhatsApp atau membuat panggilan video tanpa perlu berjumpa secara bersemuka. Hal ini memudahkan kita untuk berhubung dengan keluarga dan rakan-rakan walaupun tinggal berjauhan. Selain itu, pelajar juga boleh menggunakan teknologi untuk berbincang tentang tugasan dan berkongsi maklumat dengan lebih mudah.

Selain itu, teknologi telah menjadikan komunikasi lebih terbuka dan meluas. Media sosial seperti Instagram, Facebook dan TikTok membolehkan pengguna berkongsi pendapat, pengalaman serta maklumat dengan masyarakat di seluruh dunia. Komunikasi bukan lagi sekadar pertukaran maklumat antara dua individu, malah menjadi medium untuk membina identiti diri dan mempengaruhi pandangan masyarakat. Walau bagaimanapun, pengguna perlu berhati-hati agar tidak menyebarkan berita palsu atau maklumat yang tidak sahih.

Di samping itu, teknologi turut mempengaruhi hubungan interpersonal. Panggilan video membolehkan keluarga dan rakan yang berjauhan berinteraksi dengan lebih mudah. Namun, penggunaan telefon pintar secara berlebihan boleh mengurangkan komunikasi bersemuka. Hal ini boleh menjejaskan hubungan emosi kerana ekspresi wajah, nada suara dan bahasa tubuh sukar ditafsirkan sepenuhnya melalui mesej digital.

Kesimpulannya, teknologi telah membawa banyak perubahan dalam komunikasi manusia. Walaupun teknologi memudahkan kita berhubung dan mendapatkan maklumat, kita perlulah menggunakannya dengan bijak. Pada pendapat saya, komunikasi secara bersemuka masih penting kerana dapat mengeratkan hubungan dan mengelakkan salah faham. Oleh itu, kita perlu mengimbangi penggunaan teknologi dengan interaksi secara langsung dalam kehidupan seharian.

Nama : Nurrafhanah binti Romze
No. K/P : 01-102XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1.**'Pengurusan Emosi dalam Kalangan Remaja'.** Tarikh Tutup **: 11 November 2026**
2.**'Tahap Kesediaan Belia Memasuki Alam Pekerjaan'.** Tarikh Tutup **: 18 November 2026**
3.**'Kepentingan Inovasi dan Kreativiti dalam Perniagaan'.** Tarikh Tutup **: 25 November 2026**

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : ***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Pertunjokan Pertanian Negara Brunei Kali Yang Ke-Delapan Belas

Juma'at 11 Nov. 1966

DI-MA'ALUMKAN untok pengetahuan umum bahawa Jabatan Pertanian Negara Brunei akan melangsongkan Temasha Pertunjokan Pertanian Seluroh Negeri Brunei pada hari Juma'at bersama'an dengan 11 November, 1966 bertempat di-S.M.J.A. (Bangunan sementara) di-Padang S.O.A.S. Brunei.

Orang ramai khas-nya kaum tani dan peladang am-nya seluroh pendudok negeri ini, ada-lah dengan hormat-nya di-jemput datang untok mempamerkan beraneka jenis hasil2 tanam2an, perusahaan dan pertunjokan tangan keluaran tempatan sa-hari terlebeh dulu dari tarikh yang di-tetapkan di-atas, kechuali jenis sayor2an, masak2an dan binatang2 ternakan akan di-terima pada awal pagi 11 November, 1966.

Pembukaan rasmi temasha pertunjokan itu akan di-langsongkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un, Menteri Besar Brunei pada jam 10.30 pagi pada tarikh tersebut dan akan terbuka kapada orang ramai pada jam 11.00 pagi hingga 5.00 petang.

Unsor2 perubahan dalam chara2 pameran ini ada-lah di-jangka akan menarek perhatian umum, kerana Temasha yang akan berlangsong itu ada-lah buat kali yang pertama pehak Jabatan Pertanian Negara Brunei akan menunjokkan (demonstration) chara2 usaha-kerja yang di-jalankan sa-hari2 dengan secharа peraktek akan di-pertunjokkan kapada umum saperti membiakkan pokok2 buah2an ia-itu menchantum, melakom, menyanding, menternak ayam, memelihara ikan, menanam padi, perusahaan membuat tali kalat, anyam2an dan sa-bagai-nya.

Pasokan Pencheragam Pulis Di-Raja Brunei akan menghiborkan orang ramai di-temasha tersebut.

Perkhidmatan bas perchuma akan di-adakan untok penuntun2 yang akan membanjiri temasha tersebut dari sepanjang jalan Tutong/Brunei ,Jalan Muara/Brunei dan Pekan Brunei sa-hingga selesai temasha tersebut.

HADIAH2 ISTEMEWA

Untok menchatet ramai bilangan penuntun2 yang akan membanjiri temasha tersebut, penuntun2 akan di-beri satu kad yang mengandongi nombor belari, di-antara-nya siapa yang bernasib baik akan menerima hadiah2 istemewa.

Dalam temasha itu juga ahli2 Persatuan Peladang Brunei akan menjual pokok2 buah2an dan hasil2 tanam2an mereka kapada orang ramai.

Orang ramai ada-lah di-peringatkan jangan-lah lepaskan peluang ini, sila-lah datang ka-temasha tersebut.

(Suhaimi bin Hj Ismail)
Setia Usaha Pertunjokan Pertanian
Sa-Negeri Brunei.



AWANG SUHAIMI BIN HAJI ISMAIL

Peraduan Lawak Jenaka Anjoran Radio Brunei

BANDAR BRUNEI. — Seramai 12 pasokan telah mendaftarkan nama untok masok bertanding dalam RANCHANGAN MARI KETAWA yang di-anjorkan oleh Bahagian Melayu Radio Brunei.

"Banyak bakat2 baru dalam lapangan ini telah di-dapati dan ada-lah di-perchayai bakat2 ini, jika di-asoh, maka sudah tentu kita akan mempunyai ahli2 lawak jenaka yang dapat memberikan hidangan rohani dalam lapangan ini." Demikian kata Setia Usaha Peraduan ini Awang Abdul Wahab Mohamad.

Baru2 ini telah di-adakan pemilehan di-Studio Radio Brunei dan hasil dari pemilehan itu, seramai tiga pasokan telah terpileh untok bertanding bagi merebutkan gelaran2 Johan, Naib Johan dan Ketiga.

Pertandingan tersebut akan di-adakan di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada masa dilangsongkan Pertandingan Bintang Radio bagi Daerah Brunei dan Muara pada malam 11 November 1966.

Pasokan2 yang telah terpileh untok memasoki Pertandingan yang terakhir itu ada-lah saperti berikut:

1. Pasokan Kampong Anggrek Desa, Berakas, "Keluarga Si-Panjang Si-Pendek", terdiri dari Awangku Yahya Pengiran Hashim, Awang Mohammad Md. Yassin dan Awang Salleh Sukirman.

2. Pasokan Dua Yahya S.P. dari Tutong, terdiri dari Yahya Said dan Yahya Pisi.

3. Keluarga Tiga Sekawan dari Tutong juga terdiri dari Awang Haji Ahim Haji Ibrahim, Awang Idris Ahmad dan Awang Ramlee Salat.

Pensharah2 Universiti Malaya melawat Brunei

BANDAR BRUNEI.—Empat orang Pensharah dari Universiti Malaya telah tiba di-Brunei pada minggu lalu, atas anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei untok mengumpulkan bahan2 mengenai penerbitan sa-buah buku Ilmu Alam Negeri Brunei, sa-bagai permulaan.

Pensharah2 tersebut ia-lah Dayang Zaharah binte Mahmud, Doktor W.D. McTaggert, Awang Lam Thin Fook dan Awang Khoo Soo Hock.

Mereka telah melawat kabeberapa buah Jabatan Kerajaan serta juga Padang Minyak Seria, Ulu Belait, Ulu Tutong dan Ulu Temburong.

Sementara itu ada-lah difahamkan bahawa seramai 30 orang mahasiswa2 dari Universiti Malaya akan tiba di-Negeri Brunei dalam bulan Februari tahun hadapan untok menjalankan penyelidekan sa-lanjut-nya berkenaan dengan penerbitan buku Ilmu Alam tersebut.

Siaran Mengenai Jawatan Pegawai2 Jabatan Pelajaran

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 yang di-sebutkan dibawah ini telah di-lantek bagi memenohkan tempat2 yang di-kosongkan oleh Nadzir yang telah berangkat ka-United Kingdom baru2 ini.

Awang Md. Yusuf bin Tahir (Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Temburong). Jawatan sekarang—Pemangku Penyusun Latehan Kesenian dan di-samping itu sa-bagai Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Temburong. Lantekan ini mulai berjalan pada 19 Ogos, 1966.

Awang Hamdani bin Haji Abdul Rahman (Nadzir Pelajaran Dewasa). Jawatan sekarang — Pemangku Penyusun Pelajaran Dewasa dan Bahasa Melayu di-Sekolah2 China dan Misi. Lantekan ini mulai berjalan pada 20 September, 1966.

Awang Abdul Hamid bin Awang Othman (Guru Besar, Sekolah Melayu Amar Pahlawan, Burong Pingai Berakas, Brunei). Jawatan sekarang — Pemangku Nadzir Pelajaran Dewasa. Lantekan ini mulai berjalan pada 24 Oktober, 1966.

Pengiran Tuah bin Pengiran Haji Chuchu (Guru Penolong, Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria). Jawatan sekarang — Menjadi Guru Besar, Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria. Lantekan ini mulai berjalan pada 21 September, 1966.

Awang Arshad bin Taba (Guru Penolong, Sekolah Melayu Amar Pahlawan, Burong Pingai Berakas, Brunei). Jawatan sekarang—Pemangku (Sementara) Guru Besar, Sekolah Melayu Amar Pahlawan, Burong Pingai Berakas, Brunei. Lantekan ini mulai berjalan pada 24 Oktober, 1966.

Demikian menurut Siaran Sementara, Jabatan Pelajaran, Brunei bertarikh 27 Oktober, 1966.

PASAR GEMBIRA PENGAKAP

BANDAR BRUNEI.—Majlis Mashuarat Pengakap Daerah Brunei telah meluluskan satu chadangan dalam persidangan-nya baru2 ini untok mengadakan temasha Pasar Gembira.

Temasha itu akan di-adakan di-tempat perhentian kereta2 berhampiran Panggong Boon Pang Baharu di-Bandar Brunei sa-lama tiga hari, ia-itu pada hari Sabtu 26 November, hari Ahad 27 November dan hari Isnin 28 November, 1966.

Di-antara tujuan2 di-adakan Pasar Gembira tersebut ia-lah untok mengutip Derma Pembangunan Ibu Pejabat Pengakap, menghantarkan perwakilan Pengakap ka-luar negeri dan sa-bagai-nya.

Gunakan-lah Bahasa Melayu

PELITA BRUNEI

DARI MAHKAMAH

MAHKAMAH TINGGI KEKALKAN SABITAN PERAYU

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 November. - Mahkamah Tinggi mengekalkan sabitan terhadap Awang Wardi bin Haji Mohd. Ali, yang pernah berkhidmat sebagai Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) atas kesalahan menyalahgunakan kedudukannya untuk memperoleh manfaat daripada hotel-hotel yang berada di bawah pengawasan kementerian tersebut.

Pembuktian yang dikemukakan semasa perbicaraan menunjukkan bahawa antara bulan Jun 2020 hingga Februari 2021, perayu berulang kali menginap di dua buah hotel tempatan tanpa membuat sebarang pembayaran semasa daftar keluar, dengan mengetepikan prosedur tempahan dan pembayaran yang ditetapkan oleh pihak hotel.

Jumlah bil tertunggak perayu terkumpul sehingga kira-kira BND5,000, yang hanya dibayar selepas siasatan oleh Biro Mencegah Rasuah dimulakan.

Majistret perbicaraan mendapati bahawa sepanjang tempoh hutang tersebut belum dibayar, perayu telah menyalahgunakan kedudukan rasminya untuk memberikan manfaat kepada hotel-hotel berkenaan, termasuk mempercepatkan proses pemeriksaan dan kelulusan serta mendedahkan maklumat sulit kerajaan secara tidak wajar kepada pemilik hotel yang mempunyai kepentingan perniagaan yang berkaitan dengan KSSUP.

Dalam rayuan tersebut, Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar, Yang Arif Dato Paduka Awang Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin mengekalkan sabitan terhadap perayu di bawah Bab 12B Akta Pencegahan Rasuah, setelah mendapati tiada alasan untuk mengubah keputusan yang dibuat oleh Majistret perbicaraan.

Walau bagaimanapun, berhubung dengan tiga pertuduhan yang berkaitan dengan pemindahan wang berjumlah BND9,500 ke dalam akaun bank peribadi perayu daripada seorang vendor yang terlibat dalam festival tahunan KSSUP, pihak mahkamah mendapati bahawa pemindahan wang tersebut mempunyai justifikasi dan diambil kira dengan sewajarnya, dan keterangan yang dikemukakan tidak membuktikan wujudnya salah laku yang disengajakan sehingga membawa kepada penyalahgunaan kepercayaan awam atau mencemarkan nama baik jawatan awam yang disandang oleh perayu.

Sehubungan itu, perayu telah dibebaskan daripada ketiga-tiga pertuduhan tersebut. Walaupun perayu telah dibebaskan daripada pertuduhan tersebut, hukuman keseluruhan terhadap perayu iaitu penjara selama enam tahun enam bulan kekal tidak berubah.

Timbalan Pendakwa Raya, Pengiran Didi-Nuraza binti Pengiran Abdul Latiff, Hajah Siti Mu'izzah binti Haji Sabli dan Jordan Tiah Teck Chiun telah mengendalikan rayuan tersebut bagi pihak Pendakwa Raya. Perayu telah diwakili oleh Tetuan Yusof Halim & Partners.



Kenali Bahasa Brunei

mangagakan bermaksud mengambil atau membawa sesuatu untuk orang lain.
Contoh pemakaian kata : *Karang patang ku mangagakan ubat kita di sapitar.*

mangaguti bermaksud meminta berulang kali dengan cara mendesak atau memaksa.
Contoh pemakaian kata : *malar ia mangaguti nininya kan minta balikan biskal ah.*

mangali-alikan / mangali ngalikan bermaksud mengasingkan atau menyisihkan sesuatu daripada yang lain.
Contoh pemakaian kata : *babu mangali-alikan mangkanan tangahari kan bapa.*

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Selera KAMPUNG Kitani




Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Sambal Timun

Kampung Senukoh, Temburong

BAHAN-BAHANNYA :
5 biji timun (dibuang kulit)
5 biji bawang merah (dihiris nipis)
1 biji lada merah (dihiris nipis)
2 biji telur rebus (dibelah 6)
2 sudu makan mayones
Garam, gula dan ajinomoto secukupnya

CARA MEMASAKNYA :
Toreh permukaan timun menggunakan garpu, kemudian serut atau hiris halus. Ramas timun bersama sedikit garam dan rendam selama 15 minit untuk mengeluarkan lebihan air. Selepas itu, toskan hingga kering. Masukkan timun ke dalam bekas, kemudian tambahkan bawang merah, lada merah dan telur rebus. Gaulkan bersama mayones hingga sebati. Akhir sekali, perasakan dengan garam, gula dan ajinomoto mengikut cita rasa.



Majlis Ilmu 2026 menjulang keunggulan falsafah MIB

SIRI 1

MAJLIS Ilmu merupakan acara tahunan sejak mula ia diungkayahkan pada tahun 2004, bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Saban tahun, majlis ini umpama sebuah gudang permata yang banyak menyajikan pelbagai ilmu pengetahuan kepada rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam (NBD) sama ada melalui seminar, forum dan juga ceramah. Ia sangat bertepatan dengan objektif utama Majlis Ilmu iaitu menjadi mercu tanda kepimpinan intelektualisme Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sebagai wadah menghidangkan ilmu dan maklumat yang berguna serta bermanfaat kepada rakyat dan penduduk di NBD.

Pada tahun ini, Majlis Ilmu yang diadakan bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 diungkayahkan bersama dan diterajui oleh Jabatan Perdana Menteri dengan melibatkan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Mufti Kerajaan. Penganjuran Majlis Ilmu tahun ini juga didukung dan disokong oleh Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja.

Majlis Ilmu yang kini mencecah usianya 22 tahun dijadualkan dengan pengisian sepertimana lazimnya dilaksanakan pada sebelumnya iaitu bermula dengan Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2026 pada 7 November 2026, Forum Perdana Majlis Ilmu 2026 pada 12 November 2026, Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2026 pada 14 November 2026 dan Seminar Majlis Ilmu 2026 pada 17 November 2026. Manakala Pameran Majlis Ilmu 2026 dibukakan kepada orang ramai selama lapan hari bermula hari perasmiannya sehingga 14 November 2026 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Forum Daerah-daerah sempena Majlis Ilmu 2026 turut menjadi salah satu pengisian Majlis Ilmu 2026 yang diadakan di Daerah Belait pada 19 November 2026, diikuti di Daerah Brunei dan Muara pada 23 November 2026. Sementara itu, Forum Daerah-daerah sempena Majlis Ilmu 2026 bagi Daerah Tutong akan diadakan pada 26 November 2026 dan di Temburong pada 30 November 2026.

Perkasa tema 'Melayu Islam Beraja: Tonggak Kedaulatan Negara'

Dengan melakar keistimewaan tema Majlis Ilmu 2026, 'Melayu Islam Beraja: Tonggak Kedaulatan Negara' mencerminkan kepentingan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai asas dalam memelihara identiti, perpaduan dan kedaulatan NBD.

Menyentuh antara huraian skop tema berkenaan, MIB merupakan falsafah NBD yang telah diisytiharkan secara rasmi semasa pengisytiharan kemerdekaan pada 1 Januari 1984.

Walaupun falsafah MIB hanya diisytiharkan secara rasmi pada tahun 1984, namun ia telah wujud lebih dari 650 tahun yang lalu, iaitu bermula sejak pemerintahan Awang Alak Betatar, Sultan Brunei yang pertama yang memerintah dari tahun 1363 sehingga 1402. Setelah memeluk agama Islam, Awang Alak Betatar menukar namanya kepada Sultan Muhammad Shah dan semenjak itu lahirlah konsep Brunei sebagai sebuah negara MIB dengan tiga komponen asas yang dimanifestasikan dalam Kesultanan Melayu Islam.

Ajaran agama Islam terus berkembang dengan pesat di NBD, khususnya semasa pemerintahan Sultan Sharif Ali, iaitu Sultan Brunei yang ketiga yang memerintah dari tahun 1425 sehingga 1432. Antara bukti tersebut ialah pembinaan masjid pertama di Brunei yang dikenali sebagai Masjid Sultan Barakat dan masjid tersebut dijadikan sebagai rumah ibadat pertama dan pusat pendidikan Islam bagi Brunei ketika itu. Selain itu, kewujudan bangsa dan bahasa Melayu, agama Islam, sistem beraja, tradisi dan undang-undang Islam sebelum tahun 1906 juga membuktikan bahawa konsep MIB itu telah wujud sebelum pengisytiharan kemerdekaan tahun 1984.

Falsafah MIB menegaskan bahawa NBD adalah sebuah negara Melayu yang melaksanakan ajaran agama Islam dan mengamalkan nilai-nilai murni Islam yang benar dengan mengekalkan sistem pemerintahan Melayu yang dipimpin oleh Sultan dan memelihara nilai-nilai luhur bangsa Melayu, bahasa, adat resam dan kebudayaan Melayu yang tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Oleh yang demikian, dengan tema Majlis Ilmu 2026 berkenaan, ia sememangnya menyimpul harapan tulus secara holistik antaranya untuk membangkitkan rasa kasih sayang dan rasa hormat serta taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan mensyukuri kepimpinan baginda yang bijaksana dalam memelihara keamanan, kemakmuran, kesejahteraan dan kedaulatan negara.

Selain itu, dengan pemerkasaan tema berkenaan, ia juga diharap agar dapat meningkatkan kefahaman dan pengetahuan masyarakat mengenai falsafah MIB dan kepentingan mempertahankannya sebagai dasar yang kekal relevan seiring dengan peredaran zaman. Ini juga sekali gus untuk terus menimbulkan kesedaran orang ramai akan tanggungjawab semua lapisan masyarakat di negara ini untuk terus mendukung falsafah MIB dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Dalam pada itu, ia juga dihasrat untuk mengenal pasti cara atau kaedah pendidikan yang terbaik dalam menanam nilai dan sikap yang positif kepada generasi muda berasaskan acuan falsafah MIB serta meningkatkan kemahiran agar mereka bersedia menghadapi apa jua cabaran pada masa akan datang.

Rencana dan Foto :
Nurdiyanah Rajami

PELITA BRUNEI

VISI SAUDI 2030 PACU PEMBANGUNAN PELANCONGAN, PERUMAHAN DAN INFRASTRUKTUR

RIYADH, 9 Nov. - Pelaksanaan Visi Saudi 2030 terus mencatat kemajuan menerusi pelbagai inisiatif dalam sektor pelancongan, perumahan, infrastruktur dan perkhidmatan haji, sekali gus memperkukuh usaha Arab Saudi mempelbagaikan ekonomi, menarik pelaburan serta meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Antara perkembangan ketara ialah pertumbuhan aktiviti komersial berkaitan pelancongan, dengan Kementerian Perdagangan Arab Saudi melaporkan peningkatan 52 peratus dalam pendaftaran perniagaan bagi aktiviti rumah penginapan pelancong kepada 18,115 setakat akhir suku ketiga 2026, berbanding 11,900 dalam tempoh sama tahun lepas.

Menurut Agensi Berita Saudi (SPA), pendaftaran perniagaan bagi kemudahan penginapan pelancong turut meningkat 37 peratus kepada 18,956 berbanding 13,819 dalam tempoh sama tahun sebelumnya.

Pertumbuhan itu mencerminkan peningkatan peluang perniagaan dan pelaburan dalam sektor pelancongan, selain menyokong perkembangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta usaha memperkukuh kedudukan Arab Saudi sebagai destinasi pelancongan antarabangsa.

Dalam sektor perumahan, Kementerian Perbandaran dan Perumahan melaporkan sekitar 90,836 keluarga Saudi telah menduduki rumah pertama masing-masing antara Januari hingga September 2026.

Daripada jumlah itu, 73,614 keluarga menerima manfaat menerusi perkhidmatan sokongan perumahan, manakala jumlah keseluruhan kontrak bersubsidi yang ditandatangani sejak pelancaran program 'Sakani' pada 2017 mencecah 1,068,787 setakat akhir September tahun ini.

Pencapaian itu menyokong sasaran Visi Saudi 2030 untuk meningkatkan kadar pemilikan rumah dalam kalangan keluarga Saudi kepada 70 peratus menjelang 2030.

Sementara itu, Riyadh mencatat satu lagi pencapaian antarabangsa apabila Pusat Projek Infrastruktur Wilayah Riyadh disenaraikan antara empat inisiatif terbaik dunia dalam kategori tadbir urus dan ekonomi pada Anugerah Bandar Pintar Dunia 2026 di Barcelona, Sepanyol.

Pengiktirafan itu diberikan menerusi pelan induk menyeluruh bagi projek infrastruktur di wilayah Riyadh, yang dipilih daripada lebih 533 penyertaan melibatkan 68 negara.

Pusat itu turut mengetengahkan pelbagai penyelesaian digital termasuk platform data geospatial, pemetaan interaktif projek infrastruktur dan sistem pemantauan pintar bagi meningkatkan kecekapan penyelarasan serta pelaksanaan projek pembangunan bandar.

Dalam perkembangan berkaitan, Metro Riyadh turut disenaraikan antara empat projek pengangkutan terbaik dunia pada acara sama, sekali gus mengiktiraf kemajuan Arab Saudi dalam membangunkan sistem pengangkutan awam moden dan mampan.

Dalam sektor perkhidmatan haji pula, Kementerian Haji dan Umrah dengan kerjasama Program Khidmat Tetamu Allah menganjurkan Persidangan dan Pameran Haji edisi keenam di Jeddah dari 8 hingga 11 November, sebagai antara inisiatif di bawah Visi Saudi 2030.

Program itu menghimpunkan lebih 520 agensi kerajaan, entiti sektor swasta dan pertubuhan bukan berasaskan keuntungan, dengan penyertaan dari lebih 150 negara.

Acara berkenaan meliputi kawasan pameran seluas lebih 67,000 meter persegi dan menampilkan lebih 15 zon serta program utama.

Penganjurannya turut disokong inisiatif pembangunan kapasiti sumber manusia menerusi pelaksanaan program latihan yang merangkumi 11 latihan bagi petugas pejabat urusan haji dan ketua kumpulan jemaah menjelang musim haji 1448H (2027).

Program itu memberi tumpuan kepada peningkatan kemahiran kepimpinan dan operasi termasuk pengurusan pengangkutan, pergerakan jemaah, penginapan, pemakanan, perkhidmatan di tempat suci, kesihatan, komunikasi serta pengurusan risiko dan kecemasan.

Inisiatif berkenaan bertujuan meningkatkan kecekapan petugas dan mutu perkhidmatan kepada jemaah, selaras dengan usaha kerajaan membangunkan ekosistem haji dan umrah yang lebih cekap, bersepadu serta mengutamakan pengalaman jemaah.

Pada masa sama, usaha memperkukuh kedudukan Riyadh sebagai pusat penganjuran acara dan kerjasama antarabangsa turut diteruskan menerusi persiapan Ekspo 2030 Riyadh, dengan Republik Islam Pakistan secara rasmi menandatangani kontrak penyertaan pada 5 November.

Menurut SPA, lebih 185 peserta rasmi telah mengesahkan penyertaan dalam Ekspo 2030 Riyadh, manakala persiapan pembangunan infrastruktur terus terus berjalan di tapak seluas enam juta meter persegi.

Secara keseluruhan, perkembangan dalam pelbagai sektor itu mencerminkan usaha berterusan Arab Saudi merealisasikan Visi Saudi 2030 dengan memberi tumpuan kepada kepelbagaian ekonomi, peningkatan daya saing, pembangunan infrastruktur, pemerkasaan sektor swasta serta penambahbaikan mutu perkhidmatan kepada rakyat dan pengunjung antarabangsa. - ©BERNAMA

Kanada lanjutkan sebahagian pengecualian tarif ke atas import dari AS

NEW YORK, 10 Nov. - Kanada pada Isnin mengumumkan lanjutan beberapa langkah pengecualian tarif balas terhadap barangan Amerika Syarikat (AS), selain memperluas kategori import yang layak menerima pengecualian itu, lapor Anadolu Ajansi.

Menteri Kewangan Francois-Philippe Champagne dalam satu kenyataan berkata langkah itu bertujuan memberikan sokongan lebih baik kepada perniagaan dan pekerja Kanada yang terjejas akibat tarif AS, di samping menggalakkan penggunaan barangan keluaran tempatan apabila boleh.

Pengecualian tarif secara menyeluruh yang dikenali sebagai *horizontal remission* dilanjutkan selama setahun hingga 30 Jun 2028, selain diperluas untuk merangkumi barangan bukan keluli yang digunakan dalam aktiviti perlombongan, kuari serta pengekstrakan minyak dan gas.

Pengecualian itu turut meliputi semua barangan yang digunakan oleh institusi pendidikan awam. Ottawa memaklumkan bahawa barangan yang boleh diperoleh secara konsisten daripada sumber tempatan akan dikeluarkan secara berperingkat daripada program berkenaan.

Menurut Kementerian Kewangan, pelepasan tarif secara bersasar akan diberikan kepada syarikat yang masih perlu mendapatkan bekalan dari AS dalam keadaan tertentu, termasuk apabila berlaku kekurangan bekalan di Kanada atau terikat dengan kontrak sedia ada. - ©BERNAMA

Gempa bumi 6.4 magnitud landa Kepulauan Solomon

ISLAMABAD, 9 Nov. - Gempa bumi berukuran 6.4 magnitud melanda Kepulauan Solomon pada Isnin, menurut Kajian Geologi Amerika Syarikat (USGS), lapor Anadolu Ajansi (AA).

Gempa berlaku pada 0335 GMT Isnin, kira-kira 27 kilometer (km) barat daya Lata, ibu negeri wilayah Temotu.

Pusat gempa pada kedalaman 25 km itu pada awalnya dikesan di 10.90 darjah selatan dan 165.62 darjah timur.

Tiada laporan mengenai kemalangan jiwa atau kerosakan infrastruktur. - ©BERNAMA

Nvidia mulakan siasatan bebas dakwaan risikan asing sasar CEO Jensen Huang

ISTANBUL, 9 Nov. - Lembaga pengarah syarikat semikonduktor Amerika Syarikat (AS), Nvidia pada Ahad mengumumkan siasatan bebas susulan laporan bahawa pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat itu, Jensen Huang menjadi sasaran operasi perisikan asing, lapor Anadolu Ajansi.

Lembaga pengarah itu dalam satu kenyataan rasmi memaklumkan bahawa sebuah jawatankuasa yang dianggotai ahli lembaga pengarah bebas, dengan bantuan penasihat undang-undang luar akan menyelia siasatan berkenaan dan menilai semua maklumat yang tersedia.

Lembaga pengarah itu menegaskan bahawa keselamatan negara dan ekonomi AS menjadi keutamaan, sambil menyifatkan kedua-duanya sebagai kepentingan teras syarikat serta pemegang sahamnya.

Ketika siasatan sedang dijalankan, ahli lembaga pengarah memaklumkan bahawa mereka "tidak mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa keselamatan negara atau rahsia Nvidia telah terjejas". Lembaga pengarah itu berkata Huang menyokong penuh siasatan dalaman berkenaan dan komited untuk memberikan kerjasama sepanjang proses itu.

Siasatan itu menyusuli pendedahan bahawa Setiausaha Negara AS Marco Rubio pada musim bunga 2026 telah menyelia penyediaan memo risikan sulit yang memberi amaran kepada pegawai kanan bahawa Huang mempunyai hubungan dengan Alice Huang, seorang eksekutif kanan Megaspeed yang berpangkalan di Singapura dan dituduh menjalankan operasi bagi pihak Kementerian Keselamatan Negara China.

Pihak berkuasa persekutuan AS menyiasat Megaspeed berhubung dakwaan menyalurkan cip semikonduktor kecerdasan buatan (AI) yang tertakluk kepada sekatan secara tidak sah ke China.

The New York Times melaporkan bahawa Huang mengakui kepada lembaga pengarah syarikat berkenaan bahawa beliau mempunyai "hubungan intim" dengan Alice Huang.

Dalam mesej kepada syarikat itu, Huang memohon maaf dan mengakui bahawa beliau "tidak setia" kepada isterinya serta tindakannya telah melukakan perasaan isteri dan anak-anaknya. "Tiada alasan untuk apa yang saya lakukan. Saya benar-benar menyesal," katanya.

Menurut The New York Times, lembaga pengarah memaklumkan bahawa Huang akan terus menerajui syarikat itu sepanjang siasatan dijalankan.

Nvidia sebelum ini menyatakan bahawa interaksi Huang dengan Alice Huang "bukan sesuatu yang luar biasa atau tidak dijangka", sebaliknya menyifatkannya sebagai urusan perniagaan biasa serta menegaskan bahawa Megaspeed tidak pernah menerima data sulit syarikat atau rahsia perdagangan.

China pada Oktober menolak laporan berkaitan oleh The New York Times dan menyifatkan dakwaan berkenaan sebagai "tidak berasas" serta "tidak lebih daripada cubaan memburukkan China". - ©BERNAMA

Lebih 2,500 penduduk lari dari Darfur Utara susulan ancaman keselamatan

KHARTOUM/ISTANBUL, 9 Nov. - Dianggarkan 2,510 penduduk melarikan diri dari lima kampung di negeri Darfur Utara, Sudan susulan situasi keselamatan yang semakin meruncing, dengan kebanyakan mereka menyeberangi sempadan ke negara jiran Chad, lapor Anadolu Ajansi (AA) memetik Pertubuhan Antarabangsa bagi Migrasi (IOM) pada Ahad.

Perpindahan terbaharu itu menyusuli beberapa gelombang perpindahan penduduk sebelum ini di kawasan Um Baru. IOM sebelum ini melaporkan bahawa 1,150 penduduk melarikan diri dari empat kampung antara 29 hingga 31 Okt, selepas 895 penduduk dari tiga kampung lain turut berpindah pada awal Oktober.

Secara berasingan, agensi itu memaklumkan bahawa 115 penduduk melarikan diri dari Kampung Al-Farshaya di kawasan Dilling, Kordofan Selatan pada Sabtu. Kebanyakan keluarga yang terjejas berpindah ke lokasi lain dalam kawasan sama.

Terdahulu, IOM dan Agensi Pelarian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHCR) dalam satu kenyataan bersama memberi amaran bahawa kekurangan dana yang serius boleh menyebabkan jutaan penduduk yang kehilangan tempat tinggal akibat perang di Sudan tidak mendapat perlindungan kecemasan dan bekalan keperluan asas isi rumah.

Menurut kedua-dua agensi itu, kira-kira 8.6 juta penduduk masih kehilangan tempat tinggal di dalam Sudan, manakala lebih 4.6 juta lagi melarikan diri ke luar negara. Pertempuran semakin sengit di seluruh Kordofan Utara, Barat dan Selatan sejak tahun lepas.

Perang antara tentera Sudan dan pasukan separa tentera Rapid Support Forces (RSF) yang bermula pada April 2023 telah mengorbankan puluhan ribu nyawa serta menyebabkan jutaan penduduk kehilangan tempat tinggal. - ©BERNAMA

PEMBUKAAN RASMI GELANGGANG PENCAK SILAT SEMPENA SKBD

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



ANTARA aksi pesilat pada Majlis Pembukaan Rasmi Gelanggang Pencak Silat sempena Kejohanan Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam Ke-V, Tahun 2026.

BERAKAS, Isnin, 9 November. - Majlis Pembukaan Rasmi Gelanggang Pencak Silat sempena Kejohanan Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-V, Tahun 2026 telah berlangsung petang tadi di Dewan Serbaguna, Stadium Hassanal Bolkiah.

Upacara pembukaan kejohanan tersebut telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan Upacara Perarakan Keris (Pembukaan). Majlis kemudiannya diteruskan dengan pembacaan Ikrar Pesilat serta Ikrar Janji Wasit Juri.

Tetamu kehormat seterusnya diperkenalkan kepada barisan Wasit Juri, pengurus-pengurus pasukan serta para atlet yang mengambil bahagian dalam kejohanan berkenaan.

Penganjuran kejohanan ini bukan sahaja menjadi medan bagi para pesilat untuk menguji dan memperlihatkan kemahiran serta keupayaan masing-masing di peringkat kebangsaan, malah turut memainkan peranan penting dalam usaha memartabatkan seni bela diri pencak silat sebagai salah satu warisan budaya dan sukan yang sarat dengan nilai tradisi serta identiti tersendiri di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, kejohanan ini turut menjadi platform untuk memperkukuh semangat kesukanan, disiplin, perpaduan dan persahabatan dalam kalangan para pesilat serta pegawai daripada tujuh kontinjen yang mengambil bahagian.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir pada upacara pembukaan kejohanan tersebut.

Melalui penganjuran kejohanan ini, para peserta berpeluang menimba pengalaman pertandingan, meningkatkan tahap prestasi masing-masing serta membuka ruang kepada usaha mencungkil dan mengenal pasti bakat-bakat baharu yang berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Badminton berpasukan SKBD Ke-V, Tahun 2026 tampilkan persaingan sengit



SEBAHAGIAN aksi pertandingan badminton acara berpasukan sempena Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-V, Tahun 2026.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

TUTONG, Isnin, 9 November. – Pertandingan badminton acara berpasukan sempena Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-V, Tahun 2026 yang berlangsung di Kompleks Sukan Tutong hari ini menyaksikan persaingan sengit antara kontinjen-kontinjen yang mengambil bahagian.



KEDUDUKAN	KONTINJEN	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
1	MS SSBD	27	12	12	51
2	DAERAH BELAIT	4	7	14	25
3	DAERAH BRUNEI DAN MUARA	2	12	11	25
4	MS ABDB	2	1	1	4
5	DAERAH TUTONG	1	3	1	5
6	DAERAH TEMBURONG	0	1	1	2
7	MS PPDB	0	0	0	0

Dalam perlawanan sebelah pagi bagi Kumpulan 'A', Pasukan Daerah Temburong berjaya menewaskan Pasukan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) dengan kutipan mata 4-1.

Sementara itu, bagi Kumpulan 'B' pula, Pasukan Daerah Brunei dan Muara (DBM) berjaya mencatat kemenangan apabila menewaskan Pasukan Daerah Tutong dengan keputusan 5-0.

Pada sebelah petang tadi, perlawanan diteruskan dengan menyaksikan Pasukan Daerah Temburong tewas kepada Pasukan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) dengan keputusan 0-5 bagi Kumpulan 'A'.

Manakala dalam Kumpulan 'B' pula, Pasukan Daerah Tutong berjaya bangkit mencatat kemenangan apabila menewaskan Pasukan Daerah Belait dengan kutipan mata 3-2.

Sepanjang pertandingan berlangsung, para pemain memperlihatkan semangat kesukanan yang tinggi menerusi aksi permainan yang kompetitif, selain mempamerkan ketangkasan, strategi dan kerjasama yang baik dalam setiap perlawanan.

Pertandingan badminton acara berpasukan berkenaan akan diteruskan 10 November 2026, dengan menyaksikan pertemuan antara Pasukan MS ABDB menentang MS SSBD, manakala Pasukan DBM akan berentap dengan Pasukan Daerah Belait.

Pada sebelah petang pula, pertandingan dijangka menyaksikan perlawanan peringkat separuh akhir pertama dan kedua bagi menentukan pasukan yang akan mara ke peringkat akhir.

Sementara itu, perlawanan akhir acara badminton berpasukan dijadualkan berlangsung pada Rabu, 11 November 2026, di gelanggang pertandingan Kompleks Sukan Tutong.

Acara badminton merupakan antara sukan yang dipertandingkan dalam SKBD Ke-V, Tahun 2026 yang membawa tema 'Bersama Mengejar Kegemilangan', sekali gus menjadi platform bagi para atlet untuk memperlihatkan keupayaan, meningkatkan prestasi serta menyemarakkan semangat kesukanan dalam kalangan kontinjen yang bertanding.

Acara berkenaan juga diharap akan dapat menyemarakkan lagi pembangunan sukan badminton di negara ini, di samping mencungkil bakat-bakat baharu yang berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

DPMM FC akur kehebatan JDT FC di separuh akhir

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Tangkap Layar Instagram Malaysian Football League

JOHOR, MALAYSIA, Isnin, 9 November. - Johor Darul Ta'zim (JDT) FC pada malam tadi berjaya mengesahkan kemaraan ke pentas final Piala FA Malaysia 2026/2027 selepas menewaskan DPMM FC dengan keputusan agregat 8-1.

Beraksi di Stadium Sultan Ibrahim, JDT FC mempamerkan aksi menyerang yang cukup berkesan apabila berjaya menghasilkan enam jaringan dalam perlawanan separuh akhir kedua.

Jaringan pembukaan JDT FC hadir pada minit ke-27 menerusi João Figueiredo yang berjaya menyempurnakan peluang bagi meletakkan pasukannya di hadapan.


Bagaimanapun, DPMM FC tidak mudah mengalah apabila Jordan Murray berjaya mencetak nama sebagai penjaring tunggal pasukan itu pada minit ke-49, sekali gus memberikan harapan buat skuad DPMM FC untuk bangkit.

Namun, JDT FC terus menguasai permainan pada separuh masa kedua apabila Manuel Hidalgo menggandakan kelebihan pada minit ke-59 sebelum Oscar Arribas menambah jaringan ketiga hanya lima minit kemudian.

Dua minit selepas itu, Jairo da Silva turut mencatat nama selaku penjaring apabila meledak gol keempat JDT FC pada minit ke-66.

JDT FC terus mengasak kubu pertahanan lawan apabila Daniesh Amirruddin berjaya menyempurnakan sepakan penalti pada minit ke-88, sekali gus menjadikan kedudukan 5-1.

Ketika perlawanan memasuki masa kecederaan, Marcos Guilherme melengkapkan kemenangan JDT FC menerusi jaringan keenam pada minit ke-90+3, sekali gus memastikan kemenangan 6-1 dalam perlawanan tersebut, sekali gus mencatatkan kemenangan agregat 8-1.



ANTARA aksi pada perlawanan di antara DPMM FC menentang Johor Darul Ta'zim (JDT) FC pada Piala FA Malaysia 2026/2027.

PELITA BRUNEI

PELITA BRUNEI
SUKAN

ePaper Pelita Brunei

FAAFGT KE-3 LABUH TIRAI, ERATKAN PERSAHABATAN BEKAS DUTA ASEAN

MAJLIS Penyampaian Hadiah Kejohanan Golf Persahabatan Bekas Duta-duta ASEAN (FAAFGT) Kali Ke-3 dan Makan Tengah Hari yang berlangsung di Dewan Royal Berkshire, Jerudong Park and Polo Country Club.



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

JERUDONG, Isnin, 9 November. - Kejohanan Golf Persahabatan Bekas Duta-duta ASEAN (FAAFGT) Kali Ke-3 melabuh tirainya petang tadi pada Majlis Penyampaian Hadiah FAAFGT Kali Ke-3 dan Makan Tengah Hari yang berlangsung di Dewan Royal Berkshire, Jerudong Park and Polo Country Club, di sini.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Pada kejohanan berkenaan, Pasukan Malaysia muncul juara bagi Kategori Country Team Championship setelah berjaya mengutip sebanyak 218 mata, diikuti dengan Negara Brunei Darussalam (NBD) di tempat naib juara, manakala Republik Indonesia di tempat ketiga, setelah masing-masing berjaya mengumpul sebanyak 217 dan 215 mata keseluruhan.

Kejohanan tahun ini menghimpunkan seramai 113 peserta, terdiri daripada 71 bekas Duta ASEAN dan 42 ahli perniagaan dari NBD, Republik Indonesia, Malaysia, Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam.

FAAFGT kali pertama dianjurkan di Bangkok, Thailand, diikuti dengan FAAFGT kedua yang diadakan di Ha Long Bay, Republik Sosialis Viet Nam pada penghujung tahun lalu.

Kejohanan tersebut menghimpunkan rakan-rakan diplomatik yang pernah berkhidmat bersama di pelbagai penempatan luar negara sepanjang kerjaya mereka. Ia juga memberi peluang kepada mereka untuk berhubung semula, berkongsi cerita dan pengalaman selepas bersara, serta menikmati minat yang sama terhadap sukan golf.

Golf merupakan sukan yang popular di seluruh rantau ASEAN. Memandangkan NBD sedang bersiap sedia untuk melancarkan Tahun Melawat Brunei 2027, FAAFGT sebagai satu acara pelancongan berasaskan aktiviti dan diharap dapat membantu meningkatkan kesedaran dan publisiti bagi kempen tersebut.

Kejohanan berkenaan dianjurkan secara pembiayaan kendiri, dengan sokongan dan sumbangan dari Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Sarawak Trade and Tourism Office in Brunei (STATOB), Adinin Works and Engineering Sdn. Bhd., New Temburong Quarry (NTQ) Sdn. Bhd., Brunei Tourism, serta beberapa individu persendirian.

Dalam pada itu, Republik Indonesia akan menjadi tuan rumah bagi FAAFGT pada 2027.

MS ABDB, Pasukan Daerah Brunei dan Muara raih emas dalam acara tarik kalat

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

SUNGAI KEBUN, Selasa, 10 November. - Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam Ke-V (SKBD Ke-V), Tahun 2026 diteruskan lagi hari ini bagi acara tarik kalat peringkat akhir yang diadakan di Kompleks Sukan Sungai Kebun, lewat petang tadi.

Perlawanan peringkat akhir tersebut mempertandingkan dua kategori iaitu Kategori 'A' Berat Badan Terkumpul 560 kilogram (kg) dan Kategori 'B' Berat Badan Terkumpul 720kg.

Bagi Kategori 'A', pingat emas diraih oleh Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB), Pasukan Daerah Belait mengutip pingat perak dan Majlis Sukan Pasukan Polis Diraja Brunei (MS PPDB) mendapat pingat gangsa.

Manakala bagi Kategori 'B', Pasukan Daerah Brunei dan Muara berjaya mengutip pingat emas; MS ABDB pingat perak dan pingat gangsa diraih oleh MS PPDB.

Pada acara itu, penyampaian pingat disempurnakan oleh Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Dato Seri Pahlawan Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris yang juga berangkat selaku tetamu kehormat majlis.

SKBD merupakan kejohanan peringkat kebangsaan yang menjadi wadah menghimpunkan atlet daripada seluruh negara untuk bersaing dalam pelbagai acara sukan. Penganjuran SKBD pada tahun ini merupakan kali kelima sejak ia mula diperkenalkan pada 2012. Bertemakan 'Bersama Mengejar Kegemilangan', SKBD Ke-V menekankan semangat kebersamaan dalam mencapai kecemerlangan sukan melalui kerjasama, perpaduan dan semangat kesukanan.





TIMBALAN Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Dato Seri Pahlawan Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris berangkat ke acara berkenaan (kanan), manakala gambar bawah kiri, antara aksi perlawanan berkenaan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn